

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA**

**(BIDANGKUASA RAYUAN)**

**RAYUAN JENAYAH**

**NO. W-05(SH)-417-11/2021, W-05(SH)-419-11/2021,  
W-05(SH)-422-11/2021, W-05(SH)-423-11/2021,  
W-05(SH)-438-11/2021, W-05(SH)-443-11/2021,  
W-05(SH)-444-11/2021, W-05(SH)-448-11/2021,  
W-05(SH)-449-11/2021, W-05(SH)-450-11/2021,  
W-05(SH)-451-11/2021, W-05(SH)-453-11/2021,  
W-05(SH)-457-11/2021, W-05(SH)-458-11/2021,  
W-05(SH)-460-11/2021, W-05(SH)-461-11/2021,  
W-05(SH)-462-11-2021, W-05(SH)-463-11/2021,  
W-05(SH)-464-11/2021 & W-05(SH)-421-11/2021.**

**ANTARA**

- 1. MUHAMMAD AKMAL ZUHAIRI BIN AZMAL**
- 2. MUHAMMAD AZAMUDDIN BIN MAD SOFI**
- 3. MUHAMMAD NAJIB BIN MOHD RAZI**
- 4. MUHAMMAD AFIF NAJMUDIN BIN AZAHAT**
- 5. ABDOUL HAKEEM BIN MOHD ALI**
- 6. MUHAMMAD HASIF BIN ISMAIL**
- 7. MUHAMMAD ADIB IMAN BIN FUAD ADY SANY**
- 8. MOHAMAD SYAZWAN BIN MUSA**
- 9. MUHAMAD AMIRUL ASHRAFF BIN MALA**
- 10. LUQMAN HAKIM BIN SHAMSURI AGUS**
- 11. MOHD HAFIZ FAUZAN BIN ISMAIL**

12. MOHAMAD LUKHMANUL HAKIM BIN MOHD ZAIN
13. AHMAD SHAFWAN BIN BERDAL
14. MUHAMMAD SUFI BIN MOHD MUSTAPHA
15. NORIZNAN IZZAIRI BIN NOOR AZHAR
16. MUHAMAD ASHRAF BIN HAJI ABDULLAH
17. MUHAMAD DANIAL FIRDAUS BIN AZMIR - PERAYU  
- PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA - RESPONDEN

DIDENGAR BERSAMA

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA

(BIDANGKUASA RAYUAN)

RAYUAN JENAYAH NO.W-05(H)-446-11/2021, W-05(H)-447-11/2021,

W-05(H)-452-11/2021 & W-05(H)-459-11/2021

ANTARA

PENDAKWA RAYA - PERAYU

DAN

1. MUHAMMAD AKMAL ZUHAIRI BIN AZMAL
2. MUHAMMAD AZAMUDDIN BIN MAD SOFI
3. MUHAMMAD NAJIB BIN MOHD RAZI
4. MUHAMMAD AFIF NAJMUDIN BIN AZAHAT
5. ABDOUL HAKEEM BIN MOHD ALI
6. MUHAMMAD HASIF BIN ISMAIL

7. MUHAMMAD ADIB IMAN BIN FUAD ADY SANY
8. MOHAMAD SYAZWAN BIN MUSA
9. MUHAMAD AMIRUL ASHRAFF BIN MALA
10. LUQMAN HAKIM BIN SHAMSURI AGUS
11. MOHD HAFIZ FAUZAN BIN ISMAIL
12. MOHAMAD LUKHMANUL HAKIM BIN MOHD ZAIN
13. AHMAD SHAFWAN BIN BERDAL
14. MUHAMMAD SUFI BIN MOHD MUSTAPHA
15. NORIZNAN IZZAIRI BIN NOOR AZHAR
16. MUHAMAD ASHRAF BIN HAJI ABDULLAH
17. MUHAMAD DANIAL FIRDAUS BIN AZMIR - RESPONDEN  
- RESPONDEN

**DIDENGAR BERSAMA  
DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA  
(BIDANGKUASA RAYUAN)  
RAYUAN JENAYAH NO.W-05-442-11/2021 & W-05-456-11/2021**

**ANTARA**

**PENDAKWA RAYA - PERAYU**

**DAN**

1. MUHAMMAD AKMAL ZUHAIRI BIN AZMAL
2. MUHAMMAD AZAMUDDIN BIN MAD SOFI
3. MUHAMMAD NAJIB MOHD RAZI
4. MUHAMMAD AFIF NAJMUDIN BIN AZAHAT

5. MOHAMAD SHOBIRIN BIN SABRI
6. ABDOUL HAKEEM BIN MOHD ALI - RESPONDEN  
- RESPONDEN

**DIDENGAR BERSAMA**

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA**

**(BIDANGKUASA RAYUAN)**

**RAYUAN JENAYAH NO.W-05(SH)-408-11/2021,  
W-05(SH)-420-11/2021, W-05(SH)-424-11/2021,  
W-05(SH)-437-11/2021, W-05(SH)-441-11/2021  
& W-05(SH)-454-11/2021.**

**ANTARA**

1. MUHAMMAD AKMAL ZUHAIRI BIN AZMAL
2. MUHAMMAD AZAMUDDIN BIN MAD SOFI
3. MUHAMMAD NAJIB BIN MOHD RAZI
4. MUHAMMAD AFIF NAJMUDIN BIN AZAHAT
5. MOHAMAD SHOBIRIN BIN SABRI
6. ABDOUL HAKEEM BIN MOHD ALI - PERAYU  
-PERAYU

**DAN**

**PENDAKWA RAYA - RESPONDEN**

[Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur  
Perbicaraan Jenayah No:  
WA-45B-(45 & 46)-09/2017 & WA-45(37-40)-11/2017

Pendakwa Raya

Lawan

1. Muhammad Akmal Zuhairi bin Azmal.
2. Muhammad Azamuddin bin Mad Sofi.
3. Muhammad Najib Mohd Razi
4. Muhammad Afif Najmudin bin Azahat
5. Mohamad Shobirin bin Sabri
6. Abdoul Hakeem bin Mohd Ali
7. Muhammad Hasif bin Ismail
8. Muhammad Akmal Akif bin Alias
9. Muhammad Adib Iman bin Fuad Adi Sany
10. Mohamad Syazwan bin Musa
11. Muhammad Amirul Asraff bin Mala
12. Luqman Hakim bin Shamsuri Agus
13. Mohd Hafiz Fauzan bin Ismail
14. Mohamad Lukhmanul Hakim bin Mohd Zain
15. Ahmad Shafwan bin Berdal
16. Muhammad Sufi bin Mohd Mustapha
17. Noriznan Izzairi bin Noor Azhar
18. Muhamad Ashraf bin Haji Abdullah
19. Muhamad Danial Firdaus bin Azmir]

## **KORAM:**

**HADHARIAH BINTI SYED ISMAIL, HMR**

**MOHAMED ZAINI BIN MAZLAN, HMR**

**AZMI BIN ARIFFIN, HMR**

## **PENGHAKIMAN**

### **Pengenalan**

[1] Pada 1.6.2017, Zulfarhan Osman bin Zulkarnain (si mati), seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah meninggal dunia dengan kesan lecur di 80% bahagian badannya akibat ditekup dengan seterika wap panas oleh sekumpulan pelajar UPNM. Tidak ada pertikaian bahawa pelajar-pelajar ini juga adalah rakan-rakan simati. Simati meninggal dunia 10 hari selepas didera pada 21.5.2017 dan 22.5.2017.

[2] Sebelum didera dengan seterika wap panas, simati telah dipukul, ditumbuk dan disepak oleh pelajar-pelajar UPNM. Kejadian berpunca apabila simati telah dituduh mencuri laptop pelajar bernama Akmal Zuhairi bin Azmal, tertuduh pertama. Dengan maksud memeras simati mengaku mencuri laptop tersebut, pelajar UPNM secara beramai-ramai telah mendera simati. Walaupun didera oleh ramai pelajar, sehingga ke akhir hayatnya, simati tidak mengaku beliau mengambil laptop tertuduh pertama.

[3] Kejadian mendera simati berlaku di Blok Penginapan Asrama Jebat UPNM, Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur. Kejadian pukul pada 21.5.2017 berlaku di bilik 3-05 antara jam 2.30 pagi hingga 5.30 pagi (kejadian pertama). Kejadian pukul kali kedua berlaku pada 22.5.2017 di bilik 4-10 antara jam 1.30 pagi hingga 4.30 pagi (kejadian kedua). Kejadian menseterika simati berlaku pada 22.5.2017 antara jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi di bilik 4-10 (kejadian ketiga).

[4] Selepas kejadian yang menimpa simati diketahui, seramai 32 orang pelajar UPNM telah ditangkap. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu:

- (i) kumpulan yang memukul simati;
- (ii) kumpulan yang menseterika simati; dan
- (iii) kumpulan yang tidak buat apa-apa.

[5] Daripada 32 orang pelajar ini, seramai 19 orang telah dituduh di mahkamah bagi kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada simati bagi maksud mendapat pengakuan bersalah daripada simati. Lima (5) orang pelajar pula dituduh bagi kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian simati. Seorang pelajar pula dituduh bagi kesalahan bersubahat membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 109 Kanun yang sama.

[6] Di akhir kes pendakwaan, Hakim Bicara memerintahkan 17 orang tertuduh membela diri (kecuali tertuduh nombor 5 dan 8) bagi pertuduhan-pertuduhan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan. Tertuduh nombor 8 yang bernama Muhammad Akmal Akif bin Alias telah dilepaskan dan

dibebaskan oleh Hakim Bicara di akhir kes pendakwaan kerana pendakwaan gagal membuktikan tertuduh ini terlibat dengan ketiga-tiga kejadian tersebut. Bagi pertuduhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, Hakim Bicara memerintahkan tertuduh pertama hingga tertuduh keenam membela diri.

[7] Di akhir perbicaraan, pada 2.11.2021, Hakim Bicara membuat keputusan berikut:

- (i) Mensabitkan tertuduh pertama hingga tertuduh nombor 19 (kecuali tertuduh nombor 5 dan 8) bersalah bagi pertuduhan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan dan mengenakan hukuman 3 tahun penjara dari tarikh sabitan ke atas setiap tertuduh;
- (ii) Mensabitkan tertuduh pertama hingga tertuduh keenam bersalah menyebabkan kematian simati tanpa niat membunuh, suatu kesalahan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dan setiap tertuduh dikenakan hukuman 18 tahun penjara dari tarikh tangkap; dan
- (iii) Hukuman 18 tahun penjara terhadap tertuduh pertama hingga tertuduh nombor 6 (kecuali tertuduh nombor 5) berjalan serentak dengan hukuman 3 tahun penjara.

[8] Terkilan dengan keputusan Hakim Bicara, kesemua tertuduh dan pendakwaan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah ini.



[9] Kesemuanya terdapat 32 rayuan di hadapan Mahkamah ini iaitu:

- (i) Rayuan oleh 17 orang tertuduh terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan. Bilangan rayuan ialah 20;
- (ii) Rayuan oleh tertuduh pertama hingga tertuduh keenam terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan. Bilangan rayuan ialah 6;
- (iii) Rayuan pendakwaan terhadap hukuman 3 tahun penjara yang dikatakan tidak sepadan dengan kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan. Pendakwaan juga merayu terhadap perintah hukuman berjalan serentak terhadap tertuduh pertama hingga tertuduh keenam (kecuali tertuduh kelima). Bilangan rayuan ialah 4; dan
- (iv) Pendakwaan juga merayu terhadap pindaan pertuduhan daripada seksyen 302 Kanun Keseksaan kepada pertuduhan bagi kesalahan yang lebih ringan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan. Pendakwaan juga merayu terhadap sabitan dan hukuman 18 tahun penjara. Bilangan rayuan ialah 2.

[10] Dalam penghakiman ini, kesemua 18 orang tertuduh akan dirujuk sebagai OKT. Pendakwa Raya akan dirujuk sebagai pendakwaan. Zulfarhan Osman bin Zulkarnain akan dirujuk sebagai simati.

## **Tarik Balik Rayuan**

[11] Pada hari pertama rayuan ini didengar iaitu pada 14.5.2024, OKT-OKT 1, 2, 3, 4 dan 6 menarik balik rayuan mereka terhadap hukuman 3 tahun penjara bagi kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan atas alasan OKT 1, 2, 3, 4 & 6 telah berada dalam tahanan reman sejak tahun 2017 dan rayuan mereka telah menjadi akademik. Pendakwa Raya tiada bantahan kepada penarikan balik rayuan.

[12] Rayuan-rayuan yang ditarik balik ialah:

- (i) W-05(SH)-421-11/2021 (OKT 1);
- (ii) W-05(SH)-423-11/2021 (OKT 1);
- (iii) W-05(SH)-419-11/2021 (OKT2);
- (iv) W-05(SH)-438-11/2021 (OKT3);
- (v) W-05(SH)-444-11/2021 (OKT4); dan
- (vi) W-05(SH)-463-11/2021 (OKT 6).

### **Pertuduhan terhadap OKT-OKT 1, 3, 6, 7, 8, 9, 10, 11 & 12**

Bahawa kamu bersama-sama pada 21.5.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi hingga 5.30 pagi bertempat di dalam bilik 3-05 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, dalam daerah Cheras, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap Zulfarhan Osman bin Zulkarnain No.Kad Pengenalan: 961129-01-6517 bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri laptop dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen

330 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

**Pertuduhan terhadap OKT-OKT 1, 2, 3, 4, 5, 6, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18 & 19**

Bahawa kamu bersama-sama pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi bertempat di dalam bilik 4-10 Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, dalam daerah Cheras, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap Zulfarhan Osman bin Zulkarnain No.Kad Pengenalan 961129-01-6517 bagi maksud hendak memeras daripadanya pengakuan mencuri laptop dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

**Pertuduhan terhadap OKT-OKT 1, 2, 3, 4 & 5**

Bahawa kamu bersama-sama pada 22.5.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi bertempat di dalam bilik 4-10, Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, dalam daerah Cheras, dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dalam mencapai niat bersama telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Zulfarhan Osman bin Zulkarnain No.K/P: 961129-01-6517 dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

## **Pertuduhan terhadap OKT 6**

Bahawa kamu pada 22.5.2017 jam lebih kurang 4.45 pagi hingga 5.45 pagi bertempat di dalam bilik 4-10, Blok Penginapan Asrama Jebat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, dalam daerah Cheras, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah bersubahat dengan Muhammad Akmal Zuhairi bin Azmal (No. K/P: 960609-11-5137), Muhammad Azamuddin bin Mad Sofi (No.K/P: 960704-08-5451), Muhammad Najib bin Mohd Razi (No.K/P: 960108-08-5455), Muhammad Afif Najmudin bin Azahat (No.K/P: 960410-05-5389), Mohamad Shobirin bin Sabri (No.K/P: 960304-08-6439) untuk melakukan pembunuhan terhadap Zulfarhan Osman bin Zulkarnain No.K/P: 961129-01-6517 di mana kesalahan tersebut telah dilakukan akibat persubahatan kamu dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama seksyen 302 Kanun yang sama.

## **Kes Pendakwaan**

[13] Di peringkat kes pendakwaan, pendakwaan telah memanggil seramai 29 orang saksi. Tiga daripada 29 orang saksi ini adalah saksi mata yang melihat kejadian yang berlaku. Mereka ialah Ahmad Senabil bin Mohamad (SP24), Muhamad Syafiq bin Abdullah (SP25) dan Muhamad Syafiq Muhaimin bin Zakaria (SP26).

[14] Simati menginap di Asrama Jebat di bilik 3-06 bersama-sama dengan SP24 dan SP25. Pada 20.5.2017 jam 9.30 malam, SP25 telah diminta oleh OKT 1 untuk mencari laptop OKT 1 di loker simati dan disekitar bilik 3-06 kerana OKT 1 menuduh simati telah mencuri laptopnya. SP25 telah mencari laptop itu tetapi tidak dijumpai.

[15] Menurut SP25, OKT 18 yang juga menghuni dalam bilik 3-06 telah memberitahu bahawa bapanya iaitu SP13 berkebolehan mencari barang hilang mengikut perubatan Islam. Selepas dihubungi oleh anaknya OKT 18, SP13 telah membuat solat hajat dan mendapat firasat bahawa simati telah mengambil laptop itu. Ini membuatkan OKT 1 menjadi sangat marah kerana laptop yang hilang itu baru dibeli. Menurut SP25, OKT 1 ada memberitahu SP25 bahawa dia (OKT 1) berniat hendak memukul simati.

[16] Pada jam lebih kurang 1.00 pagi, masuk ke tarikh 21.5.2017, semasa simati sedang tidur di biliknya, simati telah dikejutkan oleh OKT 1 dan seorang lagi pelajar UPNM bernama Hari Krishna Rao (SP20). Simati dibawa oleh OKT 1 dan SP20 pergi ke bilik bersebelahan, bilik 3-05.

[17] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi, SP25 ada pergi ke bilik 3-05 dan beliau telah melihat simati telah disoal siasat oleh OKT 1. Keterangan SP25 mengenai soal siasat yang beliau lihat ialah sambil bertanya simati mengenai laptop OKT 1 yang hilang, sambil mereka pukul simati. OKT 1 yang paling banyak menyoal simati. Simati telah dipukul oleh OKT 1, 7, 9, 10, 11 dan 12 dengan tangan dan kaki. Menurut SP25, pada masa itu, simati hanya berseluar tanpa baju. Walaupun dipukul beramai-ramai, simati tidak mengaku mencuri laptop OKT 1.

[18] Pada 21.5.2017, walaupun SP24 ada pengetahuan bahawa simati dibawa ke bilik 3-05, SP24 tidak masuk ke dalam bilik tersebut. Beliau hanya melihat dari luar bilik dan nampak 6-7 orang sedang mengelilingi simati. Beliau tidak pasti siapa mereka dan apa yang mereka buat kepada simati.

[19] SP26 tinggal di bilik 5-09. Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 3.00 pagi, beliau terdengar bunyi bising dari bilik 3-05 seperti suara orang marah dan menjerit. Beliau nampak ramai pelajar keluar masuk bilik 3-05. Beliau kemudiannya pergi ke bilik 3-05 dan telah melihat OKT 7 dan OKT 10 memukul simati.

[20] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 6.30 petang, SP25 melihat simati berada di bilik 3-06 berpakaian sukan, berkeadaan lemah dan sakit sebelah tangan sehingga memerlukan bantuan SP25 untuk memakai baju.

[21] Pada 22.5.2017 jam 1.00 pagi, OKT 6 dan OKT 19 telah mencari simati di bilik 3-06 untuk simati disoal siasat. Kali ini, simati dibawa ke bilik OKT 1 iaitu bilik 4-10 di Blok Asrama yang sama. Sebagai rakan sebilik simati, kedua-dua SP24 dan SP25 telah pergi ke bilik 4-10 untuk melihat apa yang berlaku kepada simati. Kedua-dua mereka berada di dalam bilik 4-10 antara jam 1.00 atau 2.00 pagi sehingga subuh. Semasa berada di dalam bilik 4-10, antara jam 1.30 pagi hingga 4.30 pagi, SP24 melihat OKT 6 menyoal siasat simati berkaitan dengan kehilangan laptop OKT 1. Pada masa itu simati memakai seluar slack hitam tanpa baju. OKT 6 menyuruh simati membuka seluar. Simati ikut arahan OKT 6 dan membuka seluarnya. Simati hanya memakai boxer. Seterusnya, SP24 melihat OKT 1, 2, 3, 4, 6, 11, 13, 15, 16, 17, 18 dan 19 bergilir-gilir memukul simati. Pada jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi, SP24 melihat OKT 6 memegang satu seterika wap dan menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika panas itu ke badan simati. Arahan OKT 6 telah dipatuhi oleh OKT 1 hingga OKT 5. OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika panas itu ke badan simati. Saksi nampak seterika sentuh badan simati. Saksi ini melihat simati menjerit dan menggelupur kesakitan setiap kali ditekap

dengan seterika wap oleh OKT-OKT. Simati tertiarap di atas lantai dengan kedua-dua tangan dan kakinya diikat. OKT 1 hingga OKT 5 hanya berhenti menepak seterika apabila mendengar azan subuh.

[22] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi, semasa SP25 masuk ke dalam bilik 4-10, beliau melihat OKT 1 hingga OKT 19 (kecuali OKT 8) telah pun berada di dalam bilik itu. Seterusnya SP25 melihat simati dipukul oleh OKT 6, 11, 13, 14, 17 dan 19. OKT 19 dilihat memukul simati dengan kayu penyapu di bahagian belakang badan dan kaki dengan kuat. OKT 6 pula menumbuk simati. OKT-OKT lain memukul simati dengan tangan sahaja. Menurut SP25, kejadian memukul simati berlaku dari jam 1.30 pagi hingga 4.30 pagi. Selepas jam 4.30 pagi, ramai pelajar telah beredar dari bilik 4-10. Yang tinggal hanyalah SP24, SP25 dan OKT 1 hingga OKT 6. Dari jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi, SP25 melihat OKT 6 memegang sebuah seterika wap dan telah menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika panas itu ke badan simati. OKT 1 hingga OKT 5 terus menerus bergilir-gilir menepak seterika ke badan simati sehinggalah mereka mendengar azan subuh barulah mereka berhenti. Kedua-dua SP24 dan SP25 mengesahkan OKT 6 tidak menepak seterika ke badan simati. OKT 6 hanya mengarahkan OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika. Adalah juga keterangan SP25 bahawa OKT 6 ada memberitahu SP25 bahawa dia (OKT 6) tidak mahu kejadian yang berlaku ke atas simati sampai ke pengetahuan pegawai atasan.

[23] Daripada 22.5.2017 dan beberapa hari selepas itu simati tetap berada di bilik 4-10. OKT 1 dan OKT 2 sentiasa mengawal simati dan tidak meninggalkan simati tanpa ada salah seorang atau lebih seorang OKT mengawalnya. Bilik di mana simati berada adalah berkunci. Simati sentiasa diawasi bagi mengelak daripada diketahui oleh pihak berkuasa

UPNM. Kesemua OKT dan simati takut dibuang sebagai pelajar UPNM atau dikenakan hukuman medan.

[24] Pada 23.5.2017, SP23 yang menghuni bilik 4-06 telah pergi ke bilik 4-10 untuk berjumpa dengan SP17. Tetapi SP17 tiada disitu. Semasa masuk ke dalam bilik 4-10 itu, SP23 melihat simati sedang tidur terbaring di atas sebuah katil di hujung bilik itu. Simati tidak berbaju. Hanya sehelai kain pelikat menutup badan simati dari aras pusat ke lutut. SP23 dapat melihat kulit yang menggelembung, ada tompok-tompok kehitaman di badan dan ada sedikit darah dikulitnya diseluruh badan simati. Semasa berada di dalam bilik 4-10 itu, SP23 mendengar lima orang pelajar yang berada didalam bilik tersebut bercakap mereka hendak merawat sendiri simati dan tidak ingin ke hospital kerana takut diketahui jurulatih dan dibuang dari UPNM.

[25] Kasihan kepada simati, SP23 telah menulis surat layang (P17) meminta simati diselamatkan. Pada 23.5.2017, SP23 telah menyelitkan surat layang itu di hadapan Rumah Sakit Angkatan Tentera. Malangnya, tiada tindakan diambil untuk memberi bantuan kepada simati. Surat layang ini telah tular dan diketahui oleh OKT 1. Untuk mengelak simati dari dikesan, OKT 1 telah membawa simati dengan kerusi roda ke bilik asrama yang lain iaitu bilik 4-06 yang dihuni oleh SP23. Di bilik 4-06, simati dijaga oleh OKT 2 dan OKT 16.

[26] Pada 26.5.2017, simati telah dibawa ke Hotel Lanai Bangi bagi tujuan membawa simati ke klinik swasta.

[27] Pada 27.5.2017, OKT 1, 2, 4 dan 6 membawa simati ke Klinik As-Salam, Bangi. Doktor Azfar bin Hussin (SP7) yang melihat kecederaan



simati telah menulis surat rujukan (P13) supaya simati dibawa ke Hospital Serdang. Tetapi, simati, OKT 1, 2, 4 dan 6 meminta SP7 membuat rawatan cuci luka sahaja. Bila ditanya oleh SP7 bagaimana kesan terbakar berlaku, OKT 2 memberitahu berlaku letupan melibatkan wap ketika latihan di Port Dickson dan telah pun mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Port Dickson. Walaupun telah diberi surat rujukan, OKT 1, 2, 4 dan 6 tidak membawa simati ke Hospital Serdang. Untuk rawatan cuci luka simati, SP7 mengenakan caj RM434.00.

[28] Pada 29.5.2017, simati dibawa balik ke bilik asrama 4-06.

[29] Pada 30.5.2017 jam 12.00 malam, OKT 1 dan OKT 2 membawa simati ke apartment De Centrum, Bangi bagi maksud untuk membawa simati ke Klinik As-Salam sekali lagi pada 31.5.2017. Apartment ini disewa dan didiami oleh pelajar UNITEN, SP11 dan SP12 yang juga adalah kawan-kawan OKT 1.

[30] Pada 31.5.2017, OKT 1 dan OKT 2 membawa simati berjumpa Doktor Azfar (SP7) sekali lagi. Simati dikatakan meminta SP7 membuat *dressing* luka di peha dan punggung. Keterangan SP7 ialah dari pemerhatiannya, beliau melihat banyak cecair yang keluar daripada luka di perut simati. Beliau juga mendapati simati banyak meminta bantuan kawan-kawannya untuk bergerak. Simati juga dilihat mengalami *dehydrated* kerana bibir dan lidahnya kering dan simati muntah 2 - 3 kali di klinik. Untuk kali kedua, SP7 sekali lagi menulis surat rujukan (P14) menasihatkan supaya simati dibawa ke Hospital Serdang, tetapi, simati tidak dibawa ke hospital. Untuk rawatan cuci luka kali kedua, SP7 mengenakan caj RM485.50.

[31] Pada 1.6.2017, bertempat di Apartment De Centrum, simati telah kaku selepas makan malam. OKT 1 telah menelefon ambulan dan simati dibawa ke Hospital Serdang serta disahkan telah meninggal dunia pada jam 9.25 malam.

[32] Bedah siasat ke atas jasad simati telah dilakukan pada 2.6.2017 di Hospital Serdang oleh Dr Salmah binti Arshad (SP6). Beliau adalah Pakar Perubatan Forensik, Hospital Serdang. SP6 telah menyediakan satu Laporan Bedah Siasat (P11). Kandungan P11 menyenaraikan jenis kecederaan yang dialami simati seperti berikut:

**Kesan Lecur:**

1. Luka lecur derajat 2 berbentuk bintik-bintik dalam susunan 2 barisan sedikit melengkung yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada atas bahu kanan berukuran 7.5 cm x 4.3 cm.
2. Beberapa luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada tengah dada bawah, berukuran 18 cm x 10 cm yang mengalami kesan penyembuhan di sekeliling tepi luka, manakala bahagian tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair badan yang keluar bercampur darah.
3. Beberapa luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada abdomen kiri berukuran 14.5 cm x 6.9 cm yang mengalami kesan penyembuhan di sekeliling tepi luka, manakala bahagian tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair badan yang keluar bercampur darah.

4. Luka lecur derajat 2 melintang di bahagian atas pusat yang telah kering berkeruping berukuran 12.1 cm x 4 cm.
5. Luka lecur derajat 3 melintang di bahagian bawah pusat yang telah mengalami kesan penyembuhan disekeliling luka, manakala bahagian tengah masih basah.
6. Luka lecur derajat 2 di bahagian kiri pusat berukuran 9.1 cm x 5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
7. Luka lecur derajat 2 di bahagian kanan pusat berukuran 9.1 cm x 5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
8. Luka lecur derajat 2 di bahagian kanan abdomen berukuran 10.7 cm x 4 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
9. Luka lecur derajat 3 di bahagian sisi kanan abdomen berukuran 8.7 cm x 2.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan di keliling luka, manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
10. Luka lecur di bahagian kiri dada berukuran 6.5 cm x 4 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
11. Luka lecur derajat 2 di bahagian sisi kiri abdomen berukuran 6.1 cm x 3.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

12. Beberapa luka lecur derajat 3, bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi rusuk kiri berukuran 12.5 cm x 12 cm yang mengalami kesan penyembuhan di sekeliling luka, manakala bahagian tengah luka menampakkan otot dan basah cecair badan yang keluar bercampur darah.
13. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kiri atas depan berukuran 8.5 cm x 9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan di sekeliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
14. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kiri bawah depan berukuran 8 cm x 6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan disekeliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
15. Luka lecur derajat 2 pada legan kiri bawah depan berhampiran pergelangan tangan berukuran 8 cm x 8.3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
16. Luka lecur derajat 2 pada lengan kiri bawah belakang berukuran 11 cm x 5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
17. Luka lecur derajat 2 pada lengan kiri bawah belakang berhampiran pergelangan tangan berukuran 5 cm x 3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.

18. Luka lecur derajat 2 pada pangkal lengan kiri depan berukuran 11 cm x 5.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
19. Luka lecur derajat 2 pada lengan kiri atas depan berukuran 7.5 cm x 3.9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
20. Luka lecur derajat 3 pada lengan kiri atas belakang berukuran 5.7 cm x 4 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping di sekeliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
21. Luka lecur derajat 2 pada siku kiri berukuran 2.5 cm x 1.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
22. Luka lecur derajat 2 pada bahu kanan belakang berukuran 6.4 cm x 5.3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
23. Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan atas belakang berukuran 14.9 cm x 3.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
24. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada lengan kanan dan siku belakang berukuran 22 cm x 10 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

25. Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan bawah belakang berukuran 7 cm x 3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering berkeruping.
26. Luka lecur derajat 1 yang telah kering dan berkeruping pada belakang tangan kanan berukuran 7.9 cm x 4 cm.
27. Luka lecur derajat 1 yang telah kering dan berkeruping pada lengan kanan bawah depan berukuran 14.1 cm x 7.5 cm.
28. Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan bawah depan berukuran 2.5 cm x 5.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
29. Luka lecur derajat 2 pada lengan kanan bawah depan berukuran 1 cm x 4.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
30. Beberapa luka lecur derajat 2 pada zakar berukuran 0.5 cm x 0.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
31. Luka lecur derajat 2 pada pangkal peha kiri depan berukuran 12 cm x 2.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
32. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada peha kiri depan berukuran 34.5 cm x 16 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

33. Luka lecur derajat 2 pada pangkal peha kiri depan di atas luka no.32 berukuran 8 cm x 3.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
34. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi peha kiri berukuran 18.7 cm x 11 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering, manakala ditengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
35. Luka lecur derajat 2 pada sisi peha kiri di atas luka no.34 berukuran 6 cm x 3.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
36. Luka lecur derajat 2 pada lutut kiri berukuran 7 cm x 3.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
37. Luka lecur derajat 2 pada sisi peha kiri di bawah luka no.34 berukuran 9.2 cm x 4.6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
38. Luka lecur derajat 2 pada peha kiri bawah depan di bawah luka no.32 berukuran 7 cm x 5.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
39. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kiri depan berukuran 22 cm x 13 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering, manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

40. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi betis kiri bawah berukuran 18.5 cm x 14 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering, manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan luka.
41. Luka lecur derajat 2 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi betis kiri atas berukuran 13.5 cm x 6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
42. Luka lecur derajat 2 pada betis kiri depan di atas luka no.39 berukuran 12.5 cm x 5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
43. Luka lecur derajat 2 pada buku lali kiri berukuran 7.8 cm x 4.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
44. Luka lecur derajat 2 pada pangkal ibu jari kaki kiri dalam berukuran 5.7 cm x 5.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
45. Luka lecur derajat 2 pada sisi kaki kiri dalam berukuran 9.7 cm x 3.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
46. Luka lecur derajat 3 pada peha kanan berukuran 25 cm x 15 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering disekeliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.



47. Luka lecur derajat 3 pada pangkal peha kanan berukuran 9.5 cm x 5.1 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
48. Luka lecur derajat 2 pada sisi peha kanan berukuran 6.4 cm x 3.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
49. Luka lecur derajat 2 pada sisi peha kanan di sebelah luka no.48 berukuran 5 cm x 2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
50. Luka lecur derajat 2 pada sisi peha kanan bawah berukuran 9.6 cm x 3.6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
51. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada sisi betis kanan atas berukuran 16.5 cm x 10 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
52. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan dalam berukuran 7.5 cm x 9.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
53. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan berukuran 6.5 cm x 6.7 cm yang telah mengalami kesan

penyembuhan dan kering pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

54. Luka lecur derajat 2 pada sisi betis kanan bawah berukuran 12 cm x 5.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
55. Luka lecur derajat 3 pada atas kaki kanan berukuran 6.2 cm x 3.6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
56. Luka lecur derajat 2 pada bahu kiri belakang berukuran 5.2 cm x 4.8 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
57. Luka lecur derajat 2 pada belakang bahu kiri berukuran 8 cm x 8.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
58. Luka lecur derajat 2 pada sisi tulang belikat kiri berukuran 12 cm x 2.6 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
59. Luka lecur derajat 2 pada sisi tulang belikat kiri di bawah luka no.58 berukuran 6 cm x 2.9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
60. Luka lecur derajat 2 pada belikat kiri berukuran 7.4 cm x 3.1 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
61. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada tengah-tengah belakang badan berukuran 20 cm x 18.5 cm yang

telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

62. Luka lecur derajat 2 pada tengah belakang badan di bawah luka no.61 berukuran 8.2 cm x 3.1 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
63. Luka lecur derajat 2 pada tengah belakang badan di bawah luka no.61 dan di kanan luka no.62 berukuran 9 cm x 3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
64. Luka lecur derajat 2 pada tengah belakang badan disebelah kanan luka no.63 berukuran 5 cm x 2.8 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
65. Luka lecur derajat 2 pada tengah belakang paras pinggang berukuran 6.6 cm x 2.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
66. Luka lecur derajat 2 pada belakang paras pinggang di sebelah kanan luka no.65 berukuran 5.3 cm x 2.3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
67. Luka lecur derajat 2 pada sisi pinggang kanan belakang berukuran 5.6 cm x 1.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
68. Luka lecur derajat 2 pada belikat kanan berukuran 7.8 cm x 2.9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

69. Luka lecur derajat 2 pada belakang badan kanan sebelah luka no.61 berukuran 11.5 cm x 2.3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
70. Luka lecur derajat 2 pada belakang badan kanan di atas luka no.68 berukuran 6.6 cm x 1.9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
71. Luka lecur derajat 3 pada pangkal leher kanan belakang berukuran 8.2 cm x 4.7 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
72. Luka lecur derajat 2 pada belakang bahu kanan berukuran 6.6 cm x 9.9 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
73. Luka lecur derajat 2 pada belakang ketiak kanan berukuran 5.9 cm x 3.3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
74. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada punggung kanan berukuran 14.5 cm x 10 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
75. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada punggung kiri berukuran 13.2 cm x 12.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

76. Luka lecur derajat 2 di atas luka no.75 berukuran 9.3 cm x 3 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
77. Luka lecur derajat 2 pada pangkal peha kanan belakang berukuran 9.2 cm x 3.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
78. Luka lecur derajat 2 pada pangkal peha kanan belakang di sebelah luka no.77 berukuran 9.2 cm x 2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
79. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada peha kanan belakang berukuran 27.1 cm x 18 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
80. Luka lecur derajat 2 pada peha kanan belakang berukuran 6.2 cm x 3.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
81. Luka lecur derajat 2 pada peha kanan belakang bawah berukuran 9.6 cm x 2.8 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
82. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan berukuran 25 cm x 4.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.

83. Luka lecur derajat 3 bertindih-tindih membentuk satu luka besar pada betis kanan berukuran 25 cm x 4.2 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala ditengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
84. Luka lecur derajat 2 pada sisi punggung kiri berukuran 5 cm x 4 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
85. Luka lecur derajat 3 pada belakang peha kiri berukuran 12 cm x 15 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
86. Luka lecur derajat 3 pada belakang peha kiri bawah berukuran 8 cm x 3.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
87. Luka lecur derajat 2 bertindih-tindih membentuk satu luka besar menyeliputi luka no.85 dan no.86 berukuran 28 cm x15 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.
88. Luka lecur derajat 3 pada belakang betis kiri tengah berukuran 9 cm x 9.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan pada keliling luka manakala di tengah luka menampakkan otot dan basah dengan cecair dan darah.
89. Luka lecur derajat 2 pada belakang betis kiri atas berukuran 8.5 cm x 4 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

90. Luka lecur derajat 2 di bawah luka no.88 berukuran 8.5 cm x 5.5 cm yang telah mengalami kesan penyembuhan dan kering.

[33] Dari pemeriksaan luaran dan dalaman, SP6 mendapati terdapat kecederaan berikut:

- (i) kesan lebam kebiruan pada kelopak mata kiri berukuran 3.5cm x 0.8cm;
- (ii) luka calar yang telah sembuh pada kening kiri berukuran 1.5cm x 0.4cm; dan
- (iii) pendarahan di bawah kulit kepala pada bahagian temporal kanan, kiri dan tengah kepala.

[34] Menurut SP6, ketiga-tiga kecederaan ini boleh diakibatkan oleh objek tumpul seperti tangan dan kaki. Saksi ini juga menyatakan kecederaan-kecederaan ini tidak boleh dilakukan oleh simati sendiri.

[35] Mengenai kesan lecur, SP6 mendapati:

- (i) Terdapat 90 kesan lecur pada bahagian depan badan, bahagian belakang badan, kedua-dua kaki dan tangan serta kemaluan yang meliputi lebih kurang 80% permukaan badan simati.
- (ii) 59 daripada 90 kesan lecur adalah 2<sup>nd</sup> *degree burn* iaitu 65% daripada keseluruhan luka lecur tersebut.

- (iii) 29 daripada 90 kesan lecur adalah 3<sup>rd</sup> *degree burn* iaitu 32% dari keseluruhan luka lecur tersebut. Hanya 3% kesan lecur adalah 1<sup>st</sup> *degree burn*.
- (iv) Di antara 1<sup>st</sup>, 2<sup>nd</sup> dan 3<sup>rd</sup> *degree burn*, luka lecur 3<sup>rd</sup> *degree burn* adalah yang paling serius dan mengambil masa yang lebih lama untuk sembuh serta meninggalkan parut yang lebih teruk.
- (v) Kesan lecur disebabkan oleh objek panas. Daripada pattern kesan lecur, ianya seperti disebabkan oleh *steam iron* (P12) yang dipegang menegak.

[36] SP6 kemudiannya membuat rumusan berikut:

- (i) Apabila luka lecur 2<sup>nd</sup> *degree* melebihi 25% permukaan kulit atau jika lecur 3<sup>rd</sup> *degree* melebihi 10% permukaan kulit, luka lecur dikelaskan sebagai luka lecur *severe*.
- (ii) Berdasarkan beberapa journal dan buku teks perubatan, luka lecur yang melebihi 30 – 50% permukaan badan boleh menyebabkan kematian walaupun dengan rawatan, tidak mengira *degree* luka tersebut.
- (iii) Komplikasi luka lecur adalah *hypovolemic shock* (kekurangan cecair di dalam badan), jangkitan kuman, organ penting rosak dan ketidakseimbangan *electrolit*.
- (iv) Kesan lecur yang dialami simati secara lazimnya boleh menyebabkan kematian.



(v) Peluang simati untuk hidup adalah tipis.

(vi) Sebab kematian adalah luka bakar (*severe burn*).

[37] Di akhir kes pendakwaan, setelah membuat penilaian maksimum keterangan saksi-saksi pendakwaan, Hakim Bicara memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT 1 hingga OKT 19 (kecuali OKT 5 dan OKT 8) bagi pertuduhan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan dan memanggil kesemua OKT ini membela diri. Bagi pertuduhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, Hakim Bicara memerintahkan OKT 1 hingga OKT 6 membela diri bagi pertuduhan-pertuduhan yang dihadapkan kepada mereka.

### **Kes Pembelaan**

[38] Pembelaan telah memanggil 20 orang saksi. Mereka terdiri daripada 18 OKT, seorang Pakar Forensik, Doktor Rohayu bin Shahad Adnan (SD 19) dan seorang pelajar UPNM bernama Alif Farhan (SD 20).

[39] SD19 dipanggil oleh peguam OKT 1 dan OKT 2 untuk menentusahkan sama ada dapatan SP6 adalah tepat dan konklusif. Manakala SD20 dipanggil oleh peguam OKT 3 bagi menyangkal keterangan SP24 dan SP25.

[40] Di peringkat pembelaan, pendakwaan telah memanggil dua orang saksi untuk menyangkal keterangan SD 19. Mereka ialah Pegawai Perubatan Rumah Sakit Angkatan Tentera, Dr. Harniza binti Kosnan (SP30) dan Pakar Bedah Siasat, Hospital Kuala Lumpur, Dr. Mohamad Azaini bin Ibrahim (SP31).

## **Pembelaan OKT 1 (Muhammad Akmal Zuhairi bin Azmal)**

[41] OKT 1 mengaku, pada 21.5.2017 jam lebih kurang 1.00 pagi, dia bersama SP20 telah mengejutkan simati di bilik 3-06 dan membawa simati ke bilik 3-05. Dalam bilik 3-05 OKT 1 bertanya kepada simati mengenai laptop OKT 1 yang hilang. Semasa OKT 1 menyoal simati, seorang pelajar telah menolak simati. Selepas itu, pelajar lain mula memukul simati. OKT 1 menyatakan ada ramai pelajar dalam bilik 3-05 pada waktu itu. OKT 1 menafikan beliau memukul simati.

[42] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.00 pagi, OKT 1 masuk ke bilik 4-10 dan nampak keadaan sesak dengan ramai pelajar. OKT 1 nampak simati disoal berhubung kes kecurian laptop OKT 1. Pada masa itu, OKT 1 ada menyoal simati dan simati menjawab dia tidak mengambil laptop. Kecewa dengan jawapan simati, OKT 1 telah menolak simati. Selepas itu keadaan menjadi tegang dan ramai pelajar tolak dan pukul simati. Menurut OKT 1 kejadian menyoal dan memukul simati berlaku selama lebih kurang 2 jam. Beliau mengesahkan OKT 3, SD20, OKT 12, OKT 6, Mubin Mustaza, SP24 dan SP25 berada dalam bilik 4-10.

[43] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 4.00 pagi, bilangan pelajar dalam bilik 4-10 telah berkurangan. Yang ada pada masa itu ialah Mubin Mustaza, SP25, SP24, OKT 6, OKT 2, OKT 3, OKT 12 dan Alif Farhan (SD20). Pada masa ini Mubin menepak seterika di bahagian perut simati dan simati menjerit kesakitan. Kemudian Mubin menyerahkan seterika kepada OKT 1. OKT 1 mengaku dia telah menepak seterika di bahagian tapak kaki dan lutut simati selama lebih kurang satu saat dan simati menjerit kesakitan. Selepas itu, OKT 1 dan OKT 2 keluar dari bilik untuk menghisap rokok. Bila OKT 1 masuk semula ke dalam bilik 4-10 pada

jam lebih kurang 5.00 pagi, ahli-ahli bilik 4-10 sedang tidur. OKT 1 dan OKT 2 tolong sapu losyen gamat pada badan simati kerana ada kesan-kesan kemerahan seperti sunburn.

[44] Pada 23.5.2017, OKT 1 dan OKT 2 bersama beberapa rakan lain membawa simati berpindah ke bilik 4-06 kerana pihak atasan hendak memeriksa bilik 4-10 dan simati tidak mahu pihak atasan jumpa dia.

[45] Daripada 23.5.2017 hingga 26.5.2017, OKT 1 jumpa simati sehari sekali di bilik 4-06. OKT 1 menyatakan simati dalam keadaan baik, boleh makan dan minum seperti biasa dan kebanyakan luka sembuh sedikit.

[46] Pada 26.5.2017, simati dibawa ke Hotel Bangi Lanai. Pada 27.5.2017, OKT 1 bersama-sama OKT 6, OKT 16 dan OKT 4 membawa simati ke Klinik As-Salam, Bangi.

[47] OKT 1 menyatakan simati meminta mereka untuk menemankan simati semasa diperiksa oleh doktor di Klinik As-Salam.

[48] OKT 1 menyatakan Doktor Azfar (SP7) memaklumkan kepada OKT 1 bahawa keadaan simati stabil dan tidak perlu membawanya ke hospital. SP7 memberi ubat antibiotik. OKT 1 juga menyatakan rawatan susulan ditetapkan pada 31.5.2017 untuk cuci luka simati.

[49] Pada 28.5.2017, simati dibawa balik ke bilik 4-06 di UPNM.

[50] Pada 30.5.2017, simati dibawa ke Apartment De Centrum, Bangi supaya dapat menghadiri temu janji di Klinik As-Salam pada 31.5.2017.

[51] Pada 31.5.2017, simati di bawa ke Klinik As-Salam dan dirawat oleh SP7. OKT 1 menyatakan SP7 memberitahu beliau bahawa keadaan simati okay dan akan memberi ubat tahan muntah dan antibiotik baru. Untuk kedua-dua lawatan ke klinik ini, SP7 mengenakan caj RM919.50. OKT 1 membayar RM919.50 dengan menggunakan wang yang dikumpul dari rakan-rakannya.

[52] Pada 1.6.2017 jam lebih kurang 12.00 tengah hari, OKT 1 nampak keadaan simati lemah. OKT 1 panik dan menelefon Klinik As-Salam. OKT 1 diberitahu untuk memberikan *oral rehydration solution (ORS)* kepada simati. OKT 1 membeli ORS dari farmasi dan memberikan kepada simati. Selepas minum ORS, simati meminta tolong untuk meniarap. OKT 1 menyatakan selepas meniarap, simati pengsan. OKT 1 panik dan membuat panggilan 911. Simati dibawa ke Hospital Serdang.

[53] Pada jam lebih kurang 9.00 malam, doktor di wad kecemasan Hospital Serdang memaklumkan bahawa simati telah meninggal dunia.

[54] OKT 1 mengesahkan Abdoul Hakeem (OKT 6) adalah Ketua Intake. OKT 1 mengaku selain daripada maklumat yang diberikan oleh SP13, beliau tiada bukti lain bahawa simati yang mencuri laptop OKT 1. Beliau juga mengaku bila simati tidak mengaku mengambil laptop milik OKT 1, OKT 1 tidak puashati. OKT 1 mengaku semasa simati dipukul, tiada sesiapa yang menunjukkan bukti simati yang mengambil laptop itu. OKT 1 mengaku simati menjerit setiap kali ditekap seterika. OKT 1 mengaku sepanjang simati ditekap seterika, dia tidak memberhentikan perbuatan tersebut.

[55] OKT 1 tidak pasti sama ada OKT 7, 9, 10, 11 dan 12 memukul simati pada 21.5.2017 di bilik 3-05.

[56] OKT 1 tidak pasti sama ada OKT 2, 3, 4, 6, 11, 13 - 19 memukul simati pada 22.5.2017 di bilik 4-10.

### **Pembelaan OKT 2 (Muhammad Azamuddin bin Mad Sofi)**

[57] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 12.30 malam, OKT 2 diajak oleh Mubin Mustaza untuk pergi ke bilik 4-10. OKT 2 pergi ke bilik 4-10 pada jam lebih kurang 1.50 pagi. Beliau nampak ada ramai pelajar dalam bilik tersebut. Beliau nampak pelajar-pelajar ini menyoal simati selama lebih kurang 2 jam mengenai kehilangan barang.

[58] OKT 2 mengesahkan SP24, SP25, OKT 1, Mubin Mustaza, Syukri dan Jumil berada di dalam bilik 4-10. OKT 2 mengaku menolak simati. OKT 2 tidak pasti sama ada OKT 3, 4, 6, 11 dan OKT 13 hingga OKT 19 memukul dan menyoal simati pada 22.5.2017 di bilik 4-10. OKT 2 mengaku beliau menggunakan seterika pada bahu dan peha simati lebih kurang satu saat dan simati menjerit. OKT 2 tidak setuju beliau telah tekap seterika pada kemaluan simati. Beliau juga tidak setuju OKT-OKT bergilir-gilir menseterika simati. Beliau tidak nampak apa-apa kesan pada badan simati. OKT 2 memberi versi yang lebih kurang dengan OKT 1 mengenai sebab-sebab simati tidak dibawa mendapatkan rawatan di hospital. OKT 2 menyatakan simati tidak buat salah kepada OKT 2.

### **Pembelaan OKT 3 (Muhammad Najib bin Mohd Razi)**

[59] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 12.30 tengah malam, OKT 3 balik ke bilik 4-10 dan nampak ramai pelajar berada di dalam bilik tersebut. Berikutan dari itu, OKT 3 telah pergi ke bilik Alif Farhan (SD20) untuk belajar. Pada jam lebih kurang 4.55 pagi, OKT 3 balik semula ke bilik 4-10. Abdoul Hakeem (OKT 6) menghalang OKT3 dan menyuruh OKT 3 untuk menangkap seterika pada badan simati. OKT 3 setuju OKT 6 yang memberikan arahan kepada OKT 3 untuk menggunakan seterika. OKT 3 menyatakan apabila OKT 3 memegang seterika dan memusing menghadap kepada simati, simati menjerit. OKT 3 terkejut dan meletak seterika di atas meja. OKT 3 mengesahkan pada masa itu, simati berada di atas lantai tetapi tidak perasan sama ada tangan simati diikat. Selepas itu, OKT 3 meminta kebenaran OKT 6 untuk pergi tidur.

[60] OKT 3 setuju beliau tidak melaporkan kejadian serta perbuatan OKT 6 kepada pihak atasan atas alasan tidak ada keperluan berbuat demikian.

### **Pembelaan OKT 4 (Muhammad Afif Najmudin bin Azahat)**

[61] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.00 pagi, OKT 4 telah diajak oleh Nuramizan untuk pergi ke bilik 4-10. OKT 4 pergi ke bilik 4-10 pada jam lebih kurang 1.30 pagi. OKT 4 nampak simati disoal oleh ramai pelajar tentang beberapa kecurian termasuk laptop. Dan semasa sesi menyoal, berlaku ketegangan dan tolak menolak. Beliau sendiri tidak terlibat dalam kejadian tersebut. OKT 4 mengesahkan OKT 1, 2, SP 24, SP 25, Faiz, Adib dan Mubin ada hadir dalam bilik 4-10.

[62] Seterusnya, OKT 4 menyatakan beliau tertidur dan bangun semula pada jam 4.30 pagi. Pada waktu itu, beliau nampak OKT 1, OKT 2, SP 25 dan Mubin berada di tengah-tengah bilik bersama simati. OKT 4 menyatakan Mubin telah menepak seterika beberapa kali pada badan simati. OKT 4 menghampiri simati dan nampak simati berpeluh-peluh. OKT 4 mengaku beliau telah menepak seterika di bahagian peha luar simati sebanyak dua kali. OKT 4 setuju seterika dalam keadaan panas. Beliau tidak setuju pada masa itu, kaki dan tangan simati diikat. Akhirnya, OKT 4 menyatakan beliau tiada niat untuk mencederakan atau menyebabkan kematian kepada simati.

#### **Pembelaan OKT 5 (Mohamad Shobirin bin Sabri)**

[63] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 4.00 pagi, OKT 5 masuk ke dalam bilik 4-10 kerana nampak ada banyak selipar di hadapan bilik tersebut. Pada waktu itu, OKT 5 nampak simati, SP 24, SP 25, Syukri Junuh, Mubin dan Luqman Hakim (OKT 12). OKT 5 juga nampak beberapa orang pelajar sedang menyoal simati mengenai kes kecurian. Selang beberapa minit, OKT 5 diminta oleh seseorang untuk menepak seterika ke atas simati. OKT 5 mengaku beliau menepak seterika di kaki simati hanya sekali dan simati menjerit kesakitan.

[64] OKT 5 menyatakan budaya UPNM adalah jika ada kecurian, kadet akan menyelesaikan masalah dengan membuat soal siasat dan dalam soal siasat, pukul memukul merupakan perkara biasa.

### **Pembelaan OKT 6 (Abdoul Hakeem bin Mohd Ali)**

[65] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 12.30 tengah malam, OKT 6 pergi ke Bilik 4-10 mencari simati. OKT 6 nampak simati duduk di atas kerusi di kelilingi oleh pelajar-pelajar. Mubin Murtaza dan SP24 tanya soalan mengenai kecurian kepada simati. OKT 6 menyatakan Mubin Murtaza telah menampar simati dan SP24 menumbuk simati. Kemudian ramai pelajar masuk ke bilik 4-10. Selepas itu, OKT 6 balik ke biliknya untuk membuat *Assignment* sehingga jam lebih kurang 4.00 pagi.

[66] Selepas itu, OKT 6 pergi semula ke bilik 4-10 dan nampak Mubin, SP24, Syukri dan Najib. Mubin menseterika simati dan simati menjerit. Seterika diberikan kepada OKT 3 dan OKT 3 seterika lengan simati. OKT 6 beredar bila hampir waktu subuh.

[67] Sebagai Ketua Intake, OKT 6 setuju pendapat, cadangan dan arahan OKT 6 dipatuhi sebagai tanda hormat oleh pelajar. OKT 6 setuju simati tidak pernah mengaku mencuri laptop. OKT 6 setuju beliau tidak arahkan untuk menghentikan penggunaan seterika walaupun simati tidak mengaku. OKT 6 setuju beliau tidak melaporkan kejadian kepada pihak atasan pada bila-bila masa.

### **Pembelaan OKT 7 (Muhammad Hasif bin Ismail)**

[68] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 2.00 pagi, OKT 7 telah pergi ke bilik 3-05 untuk mengambil *calculator*. Beliau berada di dalam bilik 3-05 selama lebih kurang 2 minit sahaja dan bergerak keluar. OKT 7 nampak beberapa pelajar tanya soalan kepada simati. OKT 7 mengesahkan



Harikrishna (SP 20), OKT 1 dan SP25 berada di dalam bilik 3-05 pada masa itu.

[69] OKT 7 menafikan beliau telah menyepak simati dengan menggunakan kasut sambil menyoal tentang kecurian.

### **Pembelaan OKT 9 (Muhammad Adib Iman bin Fuad Adi Sany)**

[70] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 1.40 pagi, OKT 9 pergi ke bilik 3-05 untuk meminjam sabun cuci baju daripada Mohamad Syazwan bin Musa (OKT 10). Beliau berada di dalam bilik tersebut lebih kurang 1-2 minit sahaja. Pada masa itu, beliau nampak OKT 1, SP20, Mubin, SP25, OKT 10 dan OKT 12 berada di dalam bilik 3-05 macam bersempang. Selepas ambil sabun, beliau terus keluar dari bilik tersebut.

[71] OKT 9 menafikan beliau masuk ke bilik 3-05 untuk menumbuk dan menyepak simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

[72] OKT 9 juga menafikan beliau ada pergi ke bilik 4-10 pada 22.5.2017.

### **Pembelaan OKT 10 (Mohamad Syazwan bin Musa)**

[73] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 2 pagi, OKT 10 balik ke biliknya di 3-05 dan nampak OKT 1, Fitri, Daud, SP 25 dan SP 26 tetapi tidak pasti mereka ini buat apa. Beliau tidak nampak simati. Dari jam 4.00 pagi hingga 6.30 pagi beliau tidur dan tidak tahu apa yang berlaku.

Beliau menafikan beliau memukul simati bergili-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

### **Pembelaan OKT 11 (Muhammad Amirul Asraff bin Mala)**

[74] Pada 21.5.2017 jam lebih kurang 2.00 pagi, OKT 11 telah pergi ke bilik 3-05 untuk bermain *game* dalam telefon dan telinga beliau ditutup dengan *earphone*. OKT 11 menyatakan ada ramai pelajar yang masuk ke dalam bilik itu. Beliau cuma nampak OKT 1, SP20 dan SP26. Beliau menafikan memukul simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

[75] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.00 - 2.00 pagi, OKT 11 pergi ke bilik 4-10 dan nampak bilik itu penuh dengan 20 - 25 orang pelajar. Beliau tidak perasan sama ada simati berada dalam bilik tersebut. OKT 11 tidak boleh masuk ke dalam bilik tersebut kerana terlalu penuh dan beliau balik ke bilik 3-03.

### **Pembelaan OKT 12 (Luqman Hakim bin Shamsuri Agus)**

[76] Pada 21.5.2017, OKT 12 menyatakan beliau telah tidur dan tidak tahu apa yang berlaku dalam bilik 3-05. Beliau menafikan memukul simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati walaupun beliau mengaku berada di dalam bilik 3-05 dan 4-10.

### **Pembelaan OKT 13 (Mohd Hafiz Fauzan bin Ismail)**

[77] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 12.30 tengah malam, OKT 13 masuk ke dalam bilik 4-10 dan mendapati bilik itu dipenuhi dengan ramai

pelajar. OKT 13 pergi ke bilik itu untuk berjumpa Alif Farhan (SD20) mengenai *assignment*. OKT 13 menyatakan pelajar-pelajar cuma bersebang-sembang. Selepas itu, OKT 13 mengajak SD20 ke bilik OKT 13 untuk belajar. OKT 13 menafikan beliau memukul simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

#### **Pembelaan OKT 14 (Mohamad Lukhmanul Hakim bin Mohd Zain)**

[78] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 12.00 tengah malam, OKT 14 balik ke biliknya, bilik 4-10. Dalam bilik 4-10 itu, OKT 14 nampak ada simati dan OKT 6 dan ramai pelajar. OKT 14 tidak suka dengan keadaan tersebut dan keluar ke bilik 4-07 untuk berehat.

[79] Pada jam lebih kurang 2.00 pagi, OKT 14 balik semula ke bilik 4-10 dan mendapati bilik itu masih sesak dengan ramai pelajar. Beliau nampak simati, OKT 6, OKT 2, SP 25, tetapi beliau tidak nampak apa yang berlaku dalam bilik tersebut dan terus tidur.

[80] OKT 14 menafikan beliau telah memukul simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

#### **Pembelaan OKT 15 (Ahmad Shafwan bin Berdal)**

[81] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi, OKT 15 pergi ke bilik 4-10 sebab nampak ada ramai pelajar yang masuk bilik tersebut. Beliau berada dalam bilik tersebut 2 minit sahaja. Selepas itu beliau keluar dari bilik itu untuk menyiapkan *assignment*.

[82] Menurut OKT 15, dalam bilik 4-10 ada lebih kurang 20 orang pelajar. Beliau tidak pasti sama ada OKT 1, 2, 3, 4, 11, 13, 14, 18 dan 19 ada di dalam bilik tersebut. Tetapi beliau yakin OKT 6 ada di dalam bilik 4-10 dan simati berada di tengah-tengah bilik. OKT 15 tahu OKT 1 hilang laptop. OKT 15 menafikan beliau memukul simati bergilir-gilir untuk memeras pengakuan daripada simati.

### **Pembelaan OKT 16 (Muhammad Sufi bin Mohd Mustapha)**

[83] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi, OKT 16 pergi ke bilik 4-10 memanggil OKT 15 untuk bertanya mengenai *assignment*. Beliau berada dalam bilik itu 1 minit sahaja. Dalam bilik itu, OKT 16 nampak ada ramai pelajar. Beliau nampak SP24 dan SP25. Selepas jumpa OKT 15, OKT 16 keluar dari bilik 4-10. OKT 16 menafikan beliau memukul simati untuk memeras pengakuan daripada simati.

### **Pembelaan OKT 17 (Noriznan Izzairi bin Noor Azhar)**

[84] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 2.00 pagi, OKT 17 dimaklumkan oleh Fitri Sukarno bahawa simati kena “seta” (settle masalah). OKT 17 berada di dalam bilik 4-10 selama 3 minit sahaja. Beliau nampak dalam bilik itu ada SP25, OKT 6, OKT 1, simati dan ramai lagi yang beliau tidak ingat. Beliau tidak melihat ada kejadian memukul berkaitan laptop hilang. OKT 17 menafikan beliau memukul simati untuk memeras pengakuan daripada simati.

### **Pembelaan OKT 18 (Muhamad Ashraf bin Haji Abdullah)**

[85] Pada 22.5.2017, OKT 18 telah pergi ke bilik 4-10 kerana bilik itu sesak dengan pelajar. OKT 18 dengar perbualan mengenai webbing set. Tidak ada insiden pukul memukul. OKT 18 nampak SP24, SP25 dan simati berada dalam bilik tersebut. Beliau berada dalam bilik 4-10 selama 2-3 minit dan selepas itu beredar dari situ.

[86] OKT 18 menafikan beliau memukul simati untuk memeras pengakuan daripada simati.

### **Pembelaan OKT 19 (Muhamad Danial Firdaus bin Azmir)**

[87] Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 2.30 pagi, OKT 19 pergi ke bilik 4-10 untuk memulangkan telefon milik OKT 6 kepada OKT 6. Beliau berada dalam bilik 4-10 tidak sampai 1 minit. Dalam kurang dari 1 minit itu, OKT 19 nampak ada ramai pelajar dalam bilik tersebut termasuk simati, Mubin, SP24 dan SP25. OKT 19 menyatakan SP 24 dan SP25 tidak bercakap benar dan hanya untuk menyelamatkan diri.

[88] OKT 19 menafikan beliau memukul simati untuk memeras pengakuan daripada simati.

[89] Doktor Rohayu, (SD 19) berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Forensik di Hospital Sungai Buloh. Perlantikan SD 19 dibuat melalui surat Tetuan AmerBon bertarikh 19.10.2019 kepada SD19 (eksibit D10). D10 menyatakan skop kerja dan terma rujukan berikut:-

## Terma Rujukan

- (i) untuk menganalisa dan mengenal pasti punca kematian mangsa;
- (ii) untuk meneliti dan menentusahkan sama ada keputusan dan/atau dapatan pakar patologi (SP 6) di dalam kes ini adalah tepat dan konklusif; dan
- (iii) untuk mengesan sama ada terdapat sebarang faktor utama atau faktor lain yang boleh dan/atau telah menyumbang kepada kematian mangsa selain daripada luka bakar yang dialami olehnya terutama apabila luka bakar tersebut telah menunjukkan kesan-kesan penyembuhan.

[90] Dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada SD 19 untuk rujukan adalah:

- (a) Kertas pertuduhan.
- (b) Gambar bedah siasat mangsa.
- (c) Gambar seterika wap.
- (d) Laporan bedah siasat.
- (e) Surat bertarikh 27.5.2017 yang disediakan oleh Klinik As-Salam (P13).
- (f) Surat bertarikh 31.5.2017 yang disediakan oleh Klinik As-Salam (P14).
- (g) Laporan toksilogi (D7).
- (h) Pernyataan saksi Dr. Salmah bt. Arshad (WSSP6).
- (i) Transkrip keterangan SP3, SP4, SP5, SP7 & SP29.

[91] Setelah merujuk kepada dokumen-dokumen yang dinyatakan di para [90] di atas, SD19 membuat rumusan berikut:

- (i) Hanya 67% permukaan badan simati yang ada kesan lecur. Bukannya 80%.
- (ii) Luka lecur tidak serius. Luka lecur derajat 1 (1<sup>st</sup> degree burn) adalah sama dengan *sunburn*.
- (iii) Daripada 67% bahagian badan yang terbakar, 50% telah sembuh.
- (iv) Dapatan SP6 bahawa sebab kematian ialah luka bakaran (*severe burn*) adalah tidak tepat dan tidak konklusif.

[92] SD19 berpendapat sebab kematian adalah *inflammation chest infection* dan *major burn sequela*. *Injury suffered by this incident resulted in elektrolit imbalance and immune compromised*.

[93] Alif Farhan (SD20) memberi keterangan seperti berikut.

Pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi beliau pergi ke bilik 4-10 dan mendapati ada ramai orang. SD20 berada di dalam bilik tersebut selama 30 minit. Semasa di dalam bilik 4-10, ada seseorang minta tumbuk simati. SD20 pergi kepada simati dan kata *sorry man* dan tepuk bahu simati. Seterusnya SD20 keluar dari bilik itu setelah diajak oleh OKT 3 ke bilik 4-11 untuk belajar.

[94] SD20 menyatakan OKT 3 sampai ke bilik 4-11, 10 minit selepas SD20 sampai ke bilik 4-11 iaitu lebih kurang pukul 2.10 pagi. SD20 menyatakan OKT 3 keluar dari bilik 4-11 dan pergi ke bilik 4-10 pada jam lebih kurang 4.45 pagi.

[95] Untuk menyangkal keterangan SD19 bahawa simati mempunyai masalah jantung sebelum kejadian kes ini, pendakwaan telah memanggil Doktor Harniza Kosnan (SP30).

[96] SP30 telah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Rumah Sakit Angkatan Tentera sehingga Ogos 2018. Dengan merujuk kepada rekod perubatan, SP 30 menyatakan simati telah lulus dan layak dari segi kesihatan untuk menjalani latihan ketenteraan. Status keputusan kesihatan simati adalah "FE". Status FE diberikan apabila seseorang pelatih itu telah menjalani pemeriksaan fizikal secara menyeluruh dan didapati tiada sebarang penyakit atau kecacatan.

[97] SP30 juga menyatakan sepanjang simati belajar di UPNM, simati tidak pernah hadir ke pusat kesihatan UPNM mengadu kesukaran atau sesak nafas, sakit jantung atau apa-apa sakit selain daripada demam dan sakit lutut.

[98] Seterusnya, SP30 juga menyatakan semasa aktiviti lasak yang dijalankan di UPNM, semua penyakit, jika ada, akan menunjukkan *symptom* kepada jurulatih. Tiada penyakit yang boleh dirahsiakan/ditipu oleh Kadet UPNM.

[99] Untuk menyangkal keterangan SD19, pendakwaan juga telah memanggil Pakar Patologi Forensik iaitu Doktor Mohamad Azaini bin Ibrahim (SP31). SP31 berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur.

[100] Semasa pemeriksaan balas SP31 telah ditanya oleh peguam OKT 1 dan OKT 2 dengan soalan-soalan berikut:



S : Would it be safe for me to suggest that the conclusion made by Dr Salmah may not be complete and conclusive because of certain things which were not properly done in order to rule out other possibility?

J : Pada pendapat saya, main issue disini ialah the burns yang menyebabkan kematian. Ya, saya berpendapat secara amnya sebab kematian yang diberikan dalam laporannya adalah berpandukan kepada kecederaan burn yang dialami simati dan yang boleh bawa kepada kematian. Jadi bagi saya sebab kematian yang diberikan itu adalah betul.

S : But my question is it conclusive?

J : Saya berpendapat ya.

[101] Akhir sekali, SP 31 menyatakan orang yang terbaik yang dapat memberikan sebab kematian ialah patologi yang melakukan bedah siasat yang mula kerana patologi itu yang mempunyai akses kepada jasad simati dan membuat siasatan ke atas mayat.

### **Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan Bagi Pertuduhan Seksyen 330 Kanun Keseksaan.**

[102] Di muka surat 209 Rekod Rayuan Jilid 1(2), Hakim Bicara memutuskan:

“Manakala untuk pertuduhan di bawah seksyen 330 KK kesemua tertuduh yang dipanggil membela diri adalah didapati bersalah. Dalam erti kata lain, tertuduh iaitu T1, T7, T9, T10, T11 dan T12, di bawah pertuduhan seksyen 330 KK berhubung kejadian pada 21.5.2017 dan T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T14, T15, T16, T17, T18

dan T19 berhubung kejadian pada 22.5.2017, didapati bersalah. Kesemua mereka dihukum 3 tahun penjara.”

### **Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan Bagi Pertuduhan Seksyen 302 Kanun Keseksaan.**

[103] Di muka surat 208 - 209 Rekod Rayuan Jilid 1(2), Hakim Bicara memutuskan:

“Pada 2.11.2021, di akhir perbicaraan, setelah Mahkamah Tinggi ini mendengar pembelaan seramai 18 orang tertuduh dan keterangan saksi-saksi serta barang kes yang mereka kemukakan dan setelah meneliti semula keseluruhan keterangan kes pihak pendakwaan dan segala hujahan-hujahan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh semua pihak, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan hanya berjaya membuktikan kesalahan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan ke atas T1 hingga T5 dan juga untuk T6 di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan kerana bersubahat. Oleh yang demikian, tertuduh T1 hingga T6 yang dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan telah didapati bersalah di bawah kesalahan yang lebih ringan iaitu seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dan dihukum 18 tahun penjara dari tarikh tangkap.”

### **Rayuan OKT-OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 terhadap sabitan.**

[104] Secara umumnya, isu-isu yang dibangkitkan oleh kesemua 12 OKT ini adalah:

- (i) Tiada kes prima facie.
- (ii) Tiada niat bersama.

- (iii) SP24 dan SP25 adalah rakan sejenayah dan keterangan mereka tidak boleh dipercayai.
- (iv) Pembelaan OKT - OKT tidak dipertimbangkan.

[105] Kesemua empat isu itu membawa maksud bahawa Hakim Bicara dikatakan telah tidak menilai dengan betul (*properly*) keseluruhan keterangan. Di peringkat rayuan, mahkamah ini mempunyai kuasa budibicara untuk menilai semula semua keterangan.

[106] Dalam kes Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor [2009] 2 ML J 613, Zulkefli Ahmad Makinudin HMP (beliau pada ketika itu) semasa menyampaikan penghakiman mahkamah menyatakan:

“As regards the first main ground of appeal, I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in the position to do so in the present case even though the grounds of decision, of then trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings. The Court of Appeal has the discretion to re-evaluate the remaining evidence and to scrutinize in totality such other evidence, apart from the confession to determine whether the evidence is sufficient to satisfy all the elements of the charges against the appellant. After all such steps been taken, the Court of Appeal is obliged to scrutinize whether to affirm the conviction against the appellant.”

[107] Pendekatan yang sama diambil oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes PP v Azilah Hadri & Anor [2015] 1 CL J 579. Dalam kes itu, Suriyadi Halim Omar HMP memutuskan:

“[102] We hold the view that even if the trial judge had failed to mention of any evaluation of common intention in his written grounds of judgment, the Court of Appeal, which in law reheard the case when exercising its appellate function, was empowered and also duty bound to carry out an evaluation exercise to determine whether common intention did exist. Here the Court of Appeal equally failed to do that. An appeal is a continuation of proceedings by way of rehearing and an appeal court may subject the evidence to a critical re-examination. (Ahmad Najib Aris v PP [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613; Mohamad Deraman v PP [2011] 3 CLJ 601; [2011] 3 MLJ 280).”

[108] Keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kedua-dua kes di atas mengikat mahkamah ini. Oleh itu, kami akan menilai semula kesemua keterangan untuk menentukan sama ada wujud kes prima facie; sama ada wujud niat bersama; sama ada SP24 dan SP25 adalah rakan sejenayah dan sama ada pembelaan OKT-OKT ada dipertimbangkan.

### **Kes Prima Facie**

[109] Section 180 of the Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan:

- (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
- (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
- (3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

[110] Ujian untuk menentukan sama ada kes *prima facie* wujud atau tidak dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 ML J 301 seperti berikut:

The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no *prima facie* case.

[111] Untuk mendapatkan sabitan bagi pertuduhan seksyen 330 KK, pendakwaan perlu membuktikan dua elemen berikut:

- (i) OKT-OKT 1, 7, 9, 10, 11 dan 12 telah dengan sengaja menyebabkan cedera kepada simati bagi kejadian pada 21.5.2017; dan OKT-OKT 1, 2, 3, 4, 6, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 telah dengan sengaja menyebabkan cedera kepada simati pada kejadian 22.5.2017; dan
- (ii) Bahawa kecederaan yang diakibatkan kepada simati adalah bagi maksud hendak memeras pengakuan bersalah mencuri laptop.

[112] Untuk membuktikan elemen pertama, pendakwaan bergantung kepada keterangan SP 24, SP 25 dan SP 26. Bagi kejadian pada 21.5.2017, SP 25 berada di dalam bilik 3-05 dan beliau nampak OKT 1, 7, 9, 10, 11 dan 12 memukul simati dengan tangan dan kaki secara bergilir-gilir. Bagi kejadian pada 22.5.2017, kedua-dua SP 24 dan SP 25

turut berada di dalam bilik 4-10. SP 25 nampak OKT 6, 11, 13, 14, 17 dan 19 pukul simati. Manakala SP24 pula nampak OKT 1, 2, 3, 4, 6, 11, 13, 15, 16, 17, 18 dan 19 memukul simati. SP26 pula kata pada 21.5.2017, beliau nampak OKT 7 dan OKT 10 memukul simati.

[113] Adalah keterangan SP 25 bahawa beliau pasti siapa yang pukul simati kerana beliau kenal kesemua OKT-OKT, boleh menyebut nama mereka dan mengecam mereka di mahkamah.

[114] Seterusnya, SP 25 juga ada menyatakan bahawa OKT 1 sendiri telah memberitahu beliau bahawa OKT 1 berniat hendak memukul simati sebelum kejadian 21.5.2017 berlaku.

[115] Hakim Bicara mendapati SP24 adalah saksi yang boleh dipercayai dan memutuskan seperti berikut:

“[94] SP24 memberi keterangan bukan untuk mereka-reka cerita tetapi memberitahu kejadian sebenar. Mahkamah dapati keterangan SP24 tidak berpihak, yang mana semasa kejadian pada 21 hb di bilik 3-05, beliau tetap mengatakan tidak dapat camkan siapakah 6 hingga 7 orang yang mengelilingi ZF yang sedang duduk di atas lantai pada masa itu. Namun bagi kejadian pada 22.5.2017 jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi di bilik 4-10, SP24 memberitahu beliau melihat ZF dipukul oleh T1, T2, T3, T4, T6, T11, T13, T15, T16, T17, T18 dan T19 secara bergilir-gilir.

[116] Hakim Bicara juga mendapati SP25 adalah saksi yang boleh dipercayai dan memutuskan seperti berikut:

“[114] Mahkamah dapati SP25 adalah saksi yang boleh dipercayai apabila tidak cuba menambah-nambahkan cerita di mana SP25 menyatakan T6 tidak mencucuh seterika ke atas ZF dan hanya mengarahkan sahaja T1 hingga T5 melakukan perbuatan mencucuh.”

[117] Dapatan Hakim Bicara mengenai kebolehpercayaan SP24 dan SP25 adalah dapatan fakta yang dibuat selepas Hakim Bicara melihat dan mendengar SP24 dan SP25 memberi keterangan mengenai siapa dan bagaimana simati dipukul. Adalah undang-undang mantap bahawa dapatan fakta oleh Hakim Bicara mengenai kredibiliti saksi tidak seharusnya diganggu oleh mahkamah di peringkat rayuan kecuali jika terdapat salah arah, tidak menurut undang-undang dan terdapat keterangan kukuh yang menunjukkan bahawa Hakim Bicara telah terkhilaf di dalam menilai keterangan yang telah dikemukakan semasa perbicaraan.

[118] Di dalam kes *Amri Ibrahim & Anor v. PP* [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:

*“[51] It is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there were substantial and compelling reasons for disagreeing.”*

[119] Di dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v. PP* [1980] 1 LNS 197, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

*"The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness."*

[120] Dalam kes ini, kami mendapati Hakim Bicara telah membuat penilaian yang betul apabila menerima keterangan SP24 dan SP25. Keterangan kedua-dua saksi ini adalah jelas dan saling melengkapi antara satu sama lain. Maka, tidak ada sebab untuk kami mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh Hakim Bicara.

[121] Seterusnya, kami mendapati keterangan SP24 dan SP25 bahawa simati dipukul oleh ramai pelajar UPNM disokong oleh keterangan kawan wanita simati, SP18. Keterangan saksi ini yang tidak disangkal ialah SP18 telah berjumpa dengan simati pada 26.5.2017 semasa simati berada di dalam kereta untuk dibawa ke Hotel Lanai Bangi oleh OKT 1, 2, 4 dan 16. Dalam pertemuan singkat itu, simati telah memberitahu SP18 bahawa beliau telah dipukul beramai-ramai dan beliau sakit.

[122] Selanjutnya, keterangan SP24 dan SP25 juga disokong oleh keterangan perubatan daripada SP6 dan laporan bedah siasat P11.

[123] Oleh itu, kami berpuashati bahawa elemen pertama telah dipenuhi melalui keterangan SP24, SP25, SP26 dan SP6 yang telah diterima oleh Hakim Bicara.

[124] Beralih kepada elemen kedua iaitu OKT - OKT ini telah memeras pengakuan mencuri laptop dari simati. Kecuali OKT 1, hampir kesemua



OKT menyatakan mereka tidak menyoal simati sebab laptop itu bukan kepunyaan mereka dan oleh itu mereka tidak memeras pengakuan bersalah daripada simati.

[125] Sekali lagi kami merujuk kepada keterangan SP25. Kejadian pada 21.5.2017 dan 22.5.2017 diistilahkan oleh SP25 sebagai sesi soalsiasat. SP25 menceritakan bagaimana soal siasat dilakukan seperti berikut:

“sambil tanya, mereka pukul simati. OKT 1 yang banyak tanya dan simati kata dia tak ambil. Walaupun dipukul beramai-ramai, simati tidak mengaku mengambil laptop OKT 1.”

[126] Soal siasat pada 21.5.2017 berlaku dari jam 2.30 pagi hingga 5.30 pagi menunjukkan selama 3 jam OKT-OKT memeras pengakuan daripada simati. Soal siasat pada 22.5.2017 berlaku dari jam lebih kurang 1.30 pagi hingga 4.30 pagi menunjukkan sekali lagi selama 3 jam OKT - OKT memeras pengakuan daripada simati. Inferen yang boleh dibuat dari soalsiat yang lama ialah simati tidak mengaku mencuri laptop OKT 1.

[127] Pada hemat kami, keterangan SP25 sudah memadai untuk membuktikan OKT - OKT ini bergilir-gilir menyoal dan memukul simati apabila simati tidak mengaku. Tujuan mereka berterusan memukul simati pada 21.5.2017 dan 22.5.2017 itu adalah untuk mendapat pengakuan daripada simati bahawa dia telah mengambil laptop OKT 1.

[128] Tidak ada keperluan untuk pendakwaan membuktikan setiap OKT menyoal simati kerana mereka dituduh melakukan pemerasan untuk mendapat pengakuan secara niat bersama.

[129] Oleh itu, kami berpuashati bahawa elemen kedua telah dibuktikan melalui keterangan SP25.

[130] Dengan terbuktinya kedua-dua elemen kesalahan, kami berpuashati bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pendakwaan terhadap OKT – OKT ini.

### **Niat Bersama**

[131] Oleh kerana OKT - OKT ini dituduh melakukan kesalahan seksyen 330 Kanun Keseksaan secara niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan, pendakwaan perlu membuktikan elemen niat bersama. Komplen OKT - OKT ialah tidak ada keterangan OKT - OKT ini telah membuat perancangan terdahulu (*pre-arranged plan*) atau berpakat (*meeting of minds*) untuk memeras pengakuan daripada simati. Mereka mengatakan apa yang berlaku adalah sebaliknya iaitu mereka beramai-ramai datang ke tempat kejadian tanpa dirancang. Hakim Bicara juga dikatakan tidak menganalisa dan tidak membuat dapatan mengenai elemen niat bersama.

[132] Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

34. When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[133] Elemen-elemen penting bagi membuktikan niat bersama di bawah Seksyen 34 yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan ialah:

- (i) wujudnya suatu perbuatan jenayah oleh OKT - OKT;

- (ii) penglibatan setiap OKT – OKT di dalam melakukan perbuatan jenayah tersebut;
- (iii) wujud niat bersama diantara OKT – OKT; dan
- (iv) perbuatan jenayah tersebut dilakukan lanjutan daripada niat bersama OKT – OKT tersebut.

[134] Dalam kes Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor [1983] 2 ML J 232, Hashim Yeop Sani (late CJ Malaya) menyatakan:

“Thus it is clear that the leading feature of s, 34 of the Penal Code is the element of participation in action. Two preliminary elements are in fact necessary to fulfill the requirements of s.34. First, there must be evidence (direct or by inference) the accused was present at the scene of the crime. Secondly, there must be evidence to show that there was prior concert or a prearranged plan involving the accused. This is logical because how can there be participation without physical presence? Even passive participation may require physical presence.”

[135] Dalam kes Bashir v State of Allahabad AIR 1953 All 668, muka surat 671, keperluan untuk membuktikan elemen *pre-arranged* plan telah dijelaskan seperti berikut:

In Mahbub Shah “common intention” was held to imply a “pre-arranged plan”. This does not mean either that there should be confabulation, discussion and agreement in writing or by word, nor that the plan should be arranged for a considerable time before the doing of the criminal act. The judicial committee in the case of Mahbub Shah, did not lay down that a certain interval should elapse between the formation of a pre-arranged plan and the doing of the criminal act and did not negative the formation of a pre-arranged plan just a moment before the doing of the criminal act.

[136] Pendekatan yang sama diambil dalam kes *Namasiyam Doraisamy v Public Prosecutor & Other Cases* (1987) 2 ML J 336 di mana Mahkamah Agung menyatakan:

Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case.

[137] Menerima pakai prinsip undang-undang yang dinyatakan dalam kes *Namasiyam*, mahkamah ini perlu meneliti keseluruhan fakta kes untuk menentukan sama ada wujud niat bersama. Pertama sekali, dalam kes ini, OKT - OKT tahu bahawa OKT 1 telah hilang laptop dan simati telah dituduh mencuri laptop OKT 1. Keterangan SP24 dan SP25 yang tidak disangkal ialah sudah menjadi tradisi di UPNM apabila ada masalah, pelajar-pelajar UPNM akan mengambil tindakan sendiri. Selanjutnya, kedua-dua saksi ini juga menyatakan sudah menjadi amalan pelajar-pelajar UPNM untuk memukul pelajar yang mencuri sehingga mengaku. Pelajar-pelajar lain turut sama memukul sebagai tanda kawan menolong kawan.

[138] Di sini, OKT 1 telah memberitahu SP25 akan niatnya untuk memukul simati. OKT 1, 7, 9, 10, 11 dan 12 hadir di bilik 3-05 pada masa kejadian pertama. OKT 1, 2, 3, 4, 6, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 hadir pada masa kejadian kedua. Dalam kedua-dua kejadian ini, OKT - OKT bukan setakat hadir secara fizikal ke tempat kejadian semasa simati dipukul, malah mereka bersama-sama dengan OKT 1 mengambil bahagian menyoal dan memukul simati. Tujuan mereka hadir ke tempat kesalahan jenayah dilakukan ialah untuk bersama-sama menolong OKT

1 melakukan kesalahan jenayah. Perbuatan OKT - OKT ini menunjukkan niat bersama mereka ialah untuk memukul simati bagi maksud memeras pengakuan daripada simati. Niat bersama ini boleh terbentuk pada ketika itu (may develop on the spot) semasa mereka datang beramai-ramai ke tempat kesalahan jenayah dilakukan dan memukul simati. Maka, walaupun tidak ada keterangan OKT - OKT ini telah membuat perancangan terdahulu untuk memukul simati, kehadiran mereka di tempat kejadian dan penglibatan mereka dalam melakukan kesalahan jenayah sudah memadai untuk membuktikan niat bersama.

[139] Atas fakta dan keadaan kes ini, kami berpuashati bahawa pendakwa telah membuktikan elemen niat bersama OKT - OKT untuk melakukan kesalahan jenayah iaitu mencederakan simati bagi maksud memeras pengakuan daripada simati apabila OKT - OKT ini telah hadir ke tempat kesalahan jenayah dilakukan dan mengambil bahagian melakukan kesalahan jenayah lanjutan daripada niat bersama mereka semua.

**Sama Ada SP24 Dan SP25 Adalah Rakan Sejenayah (*Accomplice*).**

[140] OKT - OKT mengatakan SP24 dan SP25 adalah rakan sejenayah, tidak boleh dipercayai dan keterangan mereka memerlukan keterangan sokongan atas alasan-alasan berikut:-

- (i) mereka tidak membuat laporan polis mengenai kesalahan jenayah yang dilakukan oleh OKT - OKT.
- (ii) mereka tidak menghalang buli.
- (iii) mereka bukan pemerhati yang tidak bersalah (*innocent bystander*).

(iv) mereka bersalah kerana *illegal omissions*.

[141] Seksyen 133 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan:

An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

[142] Dalam kes *Davies v Director of Public Prosecutions* [1954] 1 ALL ER 507, House of Lords mentakrifkan *accomplice* sebagai:

Persons who are particeps criminis in respect of the actual crime charged, whether as principals or accessories before or after the fact in felonies or persons committing, procuring or aiding and abetting in the case of misdemeanours are accomplice.

[143] Pendakwaan mengatakan SP24 dan SP25 bukanlah rakan sejenayah kerana mereka tidak mengambil bahagian dalam kejadian memukul simati. Mereka hadir ke tempat kejadian sebagai pemerhati sahaja. Pendakwaan bergantung kepada kes *Om Prakash v State*, AIR 1956 All 241 yang memutuskan:

A person present on the scene might or might not be guilty by the application of section 34 IPC. If he is present on the scene for the purpose of participating in the offence, he would certainly be guilty as a participator in the offence. On the other hand, if he is present there merely as a spectator, he would not be guilty.

[144] Kami bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa SP24 dan SP25 tidak mengambil bahagian memukul simati. Mereka hadir ke

tempat kejadian sebagai pemerhati sahaja. Keterangan SP24 ialah beliau tidak dapat melarang OKT – OKT daripada memukul simati sebab OKT beramai-ramai tengah pukul simati dan mungkin dia (SP24) juga akan kena pukul sekali. SP25 pula menyatakan beliau tidak boleh buat apa-apa bila melihat simati dipukul sebab awal lagi dah halang tapi mereka tak nak dengar.

[145] Oleh itu, kami memutuskan SP24 dan SP25 bukanlah rakan sejenayah dan keterangan mereka boleh berdiri sendiri tanpa keperluan keterangan sokongan.

### **Pembelaan OKT - OKT Tidak Dipertimbangkan.**

[146] Seksyen 182A Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan:

182A. Procedure at the conclusion of the trial

(1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

(2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubts, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted thereon.

(3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record and order of acquittal.

[147] Mohamed Azmi SCJ memutuskan dalam kes Mohamad Radhi Yaakob v Public Prosecutor [1991] 3 M L J 169 di m.s 171:

“We are of the view that whenever a criminal case is decided on the basis of the truth of the prosecution’s case as against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with

the principle laid down in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story, though could not be believed, did not raise a reasonable doubt in the prosecution's case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt in the prosecution case."

[148] Kesemua OKT mengaku mereka berada di tempat kejadian. Mereka bersetuju ada ramai pelajar di tempat kejadian, tetapi kesemua OKT menafikan mereka telah memukul simati. Pembelaan mereka adalah suatu penafian semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Ini adalah kerana OKT 9 dan OKT 10 mengesahkan SP25 hadir di tempat kejadian pertama. Kehadiran SP24 dan SP25 di tempat kejadian kedua disahkan oleh OKT 1, 2, 4, 16, 18 dan 19. OKT 1, 2, 4, 6 dan 7 setuju di kedua-dua tempat kejadian, simati duduk di atas kerusi di tengah-tengah bilik disoal siasat oleh ramai pelajar dan simati dipukul. Mereka juga menyatakan soal siasat adalah mengenai laptop OKT 1 yang hilang. OKT 1 dan OKT 6 mengesahkan soal siasat berlaku selama 2 jam dalam suasana tegang dan bising. Pengesahan oleh OKT 1 dan OKT 6 bahawa adanya soal siasat dibuat terhadap simati dan simati dipukul adalah menyokong keterangan SP24 dan SP25.

[149] Maka, fokus pelajar-pelajar pada masa dan ketika itu adalah kepada simati, untuk mendapat pengakuan bersalah daripadanya. Oleh itu, adalah tidak munasabah sama sekali untuk OKT – OKT yang lain mengatakan pelajar-pelajar hanya bersembang dan mereka tidak nampak kejadian pukul berlaku. Keterangan sebegini adalah keterangan



bohong. Seolah-olah mereka masuk ke dalam bilik tempat kesalahan jenayah dilakukan dalam keadaan tunduk kepala, tutup kedua-dua telinga dan tutup kedua-dua mata. Perlakuan sebegini tentulah mustahil untuk dipercayai. Atas sebab-sebab inilah, kami memutuskan bahawa pembelaan penafian tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan.

[150] Oleh itu, kami sebulat suara mendapati sabitan terhadap OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 adalah selamat. Maka, rayuan mereka ditolak. Sabitan dikekalkan.

**Rayuan Pendakwaan Terhadap Pindaan Pertuduhan Daripada Seksyen 302 Kanun Keseksaan Kepada Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.**

[151] Pendakwaan membangkitkan isu berikut:-

- (i) Hakim Bicara telah terkhilaf apabila meminda pertuduhan seksyen 302 Kanun Keseksaan kepada pertuduhan yang lebih ringan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan setelah Hakim Bicara menerima keterangan SP6 dan menolak keterangan SD19.

[152] Seksyen 299 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

Culpable homicide

299. Whoever causes death by doing an act with the intention of causing death, or with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death, or with the knowledge that he is likely

by such act to cause death, commits the offence of culpable homicide.

[153] *Culpable homicide* bukanlah bunuh jika termasuk di bawah 5 kecualian (exception) di bawah seksyen 300 Kanun Keseksaan.

[154] Seksyen 304 Kanun Keseksaan memperuntukkan.

304. Punishment for culpable homicide not amounting to murder.  
Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished-

(a) with imprisonment for a term which may extend to thirty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or of causing such bodily injury as is likely to cause death.

[155] Dalam kes ini, di akhir perbicaraan, Hakim Bicara memutuskan:

“[821] Mahkamah ini daripada penelitian keseluruhan keterangan SP6 dan saksi pakar pembelaan SD19 ke atas laporan pakar mereka ternyata jika digunapakai dua kes di atas, **tidak dapat ditentukan kecederaan yang mana pada badan simati yang menyebabkan kematian simati**. Walaupun pihak pendakwaan memanggil saksi rebuttal SP30 namun mahkamah ini masih terikat dengan dua kes Cheong Kam Kuen dan Pubalan (supra) di atas yang **memerlukan mahkamah meneliti kecederaan yang paling serius untuk melihat niat tertuduh-tertuduh** terjatuh di bawah s.300 KK. Kes-kes tersebut memutuskan atas isu ini iaitu “the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature

to cause death” atau hanya di bawah s.299 KK iaitu suatu kesalahan hanya di bawah s.304(a) KK yang mana dari **pakar pathologi gagal dibuktikan tanpa sebarang keraguan munasabah kecederaan yang dikenakan ke atas simati “were sufficient in the ordinary course of nature to cause death”**.

[156] Dari pembacaan kami di para [821] di atas, Hakim Bicara memberi tiga sebab meminda pertuduhan:

- (i) Tidak diketahui kecederaan yang mana satu di badan simati yang menyebabkan kematian.
- (ii) Mahkamah terikat dengan kes Cheong Kam Kuen untuk mencari kecederaan yang paling serius yang menunjukkan niat tertuduh untuk menyebabkan kematian; dan
- (iii) SP6 gagal membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa kecederaan simati adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian.

[157] Sebab nombor (iii) di atas menunjukkan Hakim Bicara telah berubah fikiran dan menolak keterangan SP6. Sedangkan, di akhir kes pendakwaan, Hakim Bicara telah membuat dapatan bahawa seksyen 300(c) Kanun Keseksaan terpakai kepada fakta kes ini. Di muka surat 308-309 Rekod Rayuan Jilid 1(2), Hakim Bicara memutuskan:

“[234] Kecederaan ini dalam keadaan perjalanan yang biasa telah membawa maut. Ini adalah fakta di dalam *medical science* yang mana keterangan perubatan diperlukan untuk membantu

mahkamah membuat keputusan. Di dalam kes ini, pakar bedah siasat, Dr. Salmah yang telah menjalani bedah siasat ke atas jasad ZF, telah mendapati 90 kesan luka bakar. SP6 menerangkan kecederaan sebagaimana telah diterangkan terdahulu dalam alasan ini, dan dalam dapatan SP6, bahawa ZF telah meninggal dunia akibat daripada luka lecur yang teruk (*severe*).

[235] Merujuk kepada kes *Zulkiple Mohamad v PP* [2022] 1 CL J 673, suatu keputusan Mahkamah Persekutuan, elemen niat membunuh di bawah kl (c) s.300 KK bahawa kematian bukanlah akibat yang diniatkan tetapi kematian telah berlaku, bukan kerana diniatkan tetapi kerana kecederaan badan yang diniatkan adalah jenis yang mencukupi dalam keadaan biasa untuk mengakibatkan kematian. Mahkamah Persekutuan dalam keputusannya menyatakan:

It is clear therefore that where the prosecution relies on cl. (c) of s.300 of the Penal Code, it is not required to prove intention to cause bodily injury of a kind that is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. All that is required is proof of intention to inflict the injury that is proved to be present, irrespective of whether the injury is grievous or trivial.

[236] Oleh itu, kecederaan ini pada ZF adalah kecederaan yang cukup dalam keadaan biasa membawa kematian dan jatuh kepada kl. (c) s.300. Seterika P12 yang telah ditunjukkan kepada SP6 diakui oleh SP6 sebagai boleh mengakibatkan luka bakar pada ZF.”

[158] Dalam mencapai keputusannya, Hakim Bicara telah merujuk kepada dua kes Mahkamah Persekutuan iaitu:

- (i) Cheong Kam Kuen v PP [2013] 1 MLJ 15; [2012] MLJU 1053; [2012] 6 AMR 573; [2012] 8 CL J 537; dan
- (ii) Pubalan Peremal v PP [2020] 8 CL J 306.

[159] Dalam kedua-dua kes yang dirujuk itu, Mahkamah Persekutuan mendapati pihak pendakwaan hanya berjaya membuktikan tertuduh mempunyai niat untuk menyebabkan kecederaan kepada simati. Tetapi, pendakwaan gagal membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa kecederaan yang dikenakan kepada simati adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian.

[160] Dalam kes Cheong Kam Kuen v PP, fakta ringkasnya ialah mangsa dalam kes itu mengalami lebih 100 kecederaan dan hanya satu kecederaan di kepala yang dikatakan fatal. Tetapi, pakar pathologi dalam kes itu (SP10) memberi keterangan berikut:

“The injury to the head can cause death whereas the others are not fatal by itself.”

[161] Berdasarkan kepada keterangan SP10, Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan peguam perayu bahawa tiada keterangan dari pathologi (SP10) mengenai sama ada kecederaan yang dikenakan ke atas simati adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian. Maka, apa yang dibuktikan ialah perayu tidak ada niat untuk menyebabkan kematian.

[162] Dengan hormatnya, kami mendapati fakta dalam kes Cheong Kam Kuen adalah berbeza dengan fakta dalam kes ini. Perbezaan yang

pertama ialah dalam kes Cheong Kam Kuen, walaupun terdapat 100 kecederaan pada simati, keterangan pathologi ialah hanya satu kecederaan sahaja fatal. Baki 99 kecederaan adalah tidak fatal. Sedangkan dalam kes di hadapan kami, ada 90 kesan lecur dan SP6 tidak pernah kata hanya ada satu kesan lecur yang fatal dan baki 89 kesan lecur tidak fatal. Perbezaan kedua ialah dalam kes Cheong Kam Kuen, pathologi (SP10) tidak menyatakan kecederaan yang dialami simati adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian. Sedangkan dalam kes ini, SP6 telah memberi keterangan kesan lecur secara lazimnya boleh menyebabkan kematian. SP6 telah memberikan jawapan berikut bila disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya:

TPR : Adakah kesan lecur itu lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian?

SP6 : Ya

[163] Maka, kami mendapati kes Cheong Kam Kuen tidak terpakai kepada fakta kes ini.

[164] Dalam kes di hadapan kami ini, kami mendapati Hakim Bicara telah terkeliru apabila menyatakan tidak diketahui kecederaan yang mana satu pada badan simati yang menyebabkan kematian. Hakim Bicara juga terkhilaf apabila menyatakan mahkamah perlu mencari apakah kecederaan yang paling serius untuk menentukan sama ada OKT-OKT ada niat untuk menyebabkan kematian. Sebenarnya, untuk s.300(c) KK terpakai, pendakwaan hanya perlu membuktikan OKT - OKT mempunyai niat untuk menyebabkan kecederaan. Pendakwaan tidak perlu membuktikan OKT-OKT mempunyai niat untuk menyebabkan kecederaan yang secara lazimnya boleh menyebabkan kematian. Sila

rujuk kes *Virsa Singh v State of Punjab* AIR [1958] SC 465 dan *Zulkiplé Mohamad v PP* [2022] 1 CL J 673.

[165] Dalam kes ini, pihak pendakwaan telah membuktikan semua intipati s.300(c) Kanun Keseksaan. Oleh itu, kami mendapati Hakim Bicara telah terkhilaf apabila meminda pertuduhan seksyen 302 Kanun Keseksaan kepada seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

[166] Berikutan dari itu, kami sebulat suara membenarkan rayuan pendakwaan. Keputusan Hakim Bicara meminda pertuduhan diketepikan dan pertuduhan asal di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dihidupkan semula (*reinstated*).

### **Rayuan OKT 1 Hingga OKT 6 Terhadap Sabitan.**

[167] Isu-isu yang dibangkitkan oleh OKT 1 hingga OKT 6 bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (i) Tiada niat bersama untuk melakukan bunuh.
- (ii) Pertuduhan terhadap OKT 6 adalah cacat kerana pertuduhan tidak menyatakan apakah cara subahat yang dilakukan.

[168] Sebelum kami menjawab isu-isu yang dibangkitkan, adalah perlu disebutkan terlebih dahulu intipati bagi kesalahan bunuh.

### **Kesalahan Bunuh Dan Intipatinya**

[169] Seksyen 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

300. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder:-

- (a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;
- (b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;
- (c) if it is done with the intention of causing the bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or
- (d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[170] Pihak pendakwaan bergantung kepada seksyen 300(c) Kanun Keseksaan.

[171] Untuk mendapatkan sabitan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun keseksaan, intipati-intipati berikut mesti dibuktikan terhadap OKT 1 - OKT 5:

- (a) bahawa Zulfarhan Osman bin Zulkarnain (ZF) telah mati;
- (b) bahawa ZF mati akibat daripada kecederaan yang dialami olehnya;
- (c) bahawa kecederaan ZF diakibatkan oleh perbuatan OKT 1 - OKT 5; dan
- (d) bahawa kecederaan yang diakibatkan kepada simati secara lazimnya adalah mencukupi untuk menyebabkan kematian.



[172] Pada peringkat ini, kami merujuk kepada kes *Virsa Singh v State of Punjab* AIR [1958] SC 465 at p.467 di mana V. Bose J menyatakan elemen-elemen penting s.300(c) Kanun Kesenaksaan seperti berikut:

“First, it must establish, quite objectively, that a bodily injury is present; Secondly, the nature of the injury must be proved. These are purely objective investigations. Thirdly, it must be proved that there was an intention to inflict that particular bodily injury, that is to say, that it was not accidental or unintentional, or that some other kind of injury was intended. Once these three elements are proved to be present, the enquiry proceeds further and, fourthly, it must be proved that the injury of the type just described made up of the three elements set out above is sufficient to cause death in the ordinary course of nature. This part of the enquiry is purely objective and inferential and has nothing to do with the intention of the offender. Once these four elements are established by the prosecution (and, of course, the burden is on the prosecution throughout) the offence is murder under s.300 “thirdly”. It does not matter that there was no intention to cause death. It does not matter that there was no intention even to cause an injury of a kind that is sufficient to cause death in the ordinary course of nature (not that there is any real distinction between the two). It does not even matter that there is no knowledge that an act of that kind will be likely to cause death. Once the intention to cause bodily injury actually found to be present is proved, the rest of the enquiry is purely objective and the only question is whether, as a matter of purely objective inference, the injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. No one has a license to run around inflicting injuries that are sufficient to cause death in the ordinary course of nature and claim that they are not guilty of murder. If they inflict injuries of that kind, they must face the consequences; that they can only escape if it can be shown, or reasonably deduced, that the injury was accidental or otherwise unintentional.”

[173] Bagi elemen pertama, Zulfarhan Osman bin Zulkarnain telah meninggal dunia, fakta ini diakui oleh OKT 1 - OKT 5.

[174] Bagi elemen kedua, Zulfarhan Osman bin Zulkarnain meninggal dunia akibat kecederaan yang dialaminya. SP6 menyatakan sebab kematian ialah kesan luka bakar (*severe burn*).

[175] Bagi elemen ketiga - kecederaan Zulfarhan Osman bin Zulkarnain adalah diakibatkan oleh perbuatan OKT 1 - OKT 5 yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan kepada ZF.

[176] Pendakwaan bergantung kepada keterangan SP24 dan SP25. Kedua-dua saksi ini melihat perbuatan OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika wap yang panas ke atas badan simati seperti berikut:

- (a) Simati terbaring di atas lantai dalam keadaan tidak berbaju. Hanya memakai boxer. Tangan dan kaki simati diikat.
- (b) Seterika kena badan simati.
- (c) Simati menjerit kesakitan dan mengelupur setiap kali terkena seterika.
- (d) OKT 1 - OKT 5 bergilir-gilir menepak seterika ke badan simati.
- (e) Perbuatan menepak seterika berlaku selama lebih kurang satu jam daripada jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi. OKT - OKT hanya berhenti menepak seterika bila mereka mendengar azan subuh.

[177] Dalam kes ini OKT 1 mengaku beliau menepak seterika dua kali sahaja iaitu di tapak kaki dan lutut simati. OKT 2 mengaku menepak seterika dua kali iaitu di peha dan bahu simati. OKT 3 mengaku menepak

seterika sekali sahaja iaitu dikaki simati. OKT 4 mengaku menangkap seterika dua kali tanpa menyebut di bahagian mana badan simati. OKT 5 mengaku menangkap seterika sekali sahaja iaitu di kaki simati.

[178] Kelima-lima OKT tidak menyatakan mereka menangkap seterika ke badan simati secara tidak sengaja. Maka, mereka mengaku mereka sengaja menangkap seterika untuk mencederakan simati. Tetapi mereka tidak mengaku mereka ada niat untuk menyebabkan luka bakar (*severe burn*) sebab setiap seorang dari mereka hanya tekap satu saat di kaki, lutut, peha dan bahu simati. Bukannya di organ badan yang penting (bukan di vital organ). Seterika juga dikatakan di letak sejengkal dari simati dan tidak terkena badan simati. Selanjutnya, mereka juga kata mereka tidak tahu perbuatan tekap seterika boleh mengakibatkan luka bakar kerana mereka hanya nampak kesan kemerah-merahan sahaja di badan simati. Niat OKT 1 hingga OKT 5 di infer (dibuat kesimpulan) oleh mahkamah dengan melihat kepada perbuatan mereka.

[179] OKT 1 hingga OKT 5 hanya mengaku mereka berlima menangkap seterika 8 kali sahaja dan setiap tekapan hanya mengambil masa lebih kurang satu saat. Jika keterangan OKT 1 hingga OKT 5 dianggap benar, ini bermakna hanya akan ada 8 kesan lecur di badan simati. Sedangkan SP6 mendapati ada 90 kesan lecur. Untuk menghasilkan 90 kesan lecur di badan simati, adalah munasabah untuk mahkamah mengatakan bahawa seterika itu perlu ditekap banyak kali ke badan simati untuk menghasilkan 90 kesan lecur ini. Maka, sudah tentulah juga masa yang diambil untuk menghasilkan 90 kesan lecur itu agak lama, bukannya 8 saat.

[180] Ini bermakna keterangan SP24 dan SP25 bahawa perbuatan kelima-lima OKT menepak seterika berlaku selama lebih kurang satu jam daripada jam dari 4.45 pagi hingga 5.45 pagi disokong oleh keterangan SP6 yang mendapati ada 90 kesan lecur. Jika satu tekapan memakan masa satu saat, maka tekapan berulang-ulang kali bermakna lebih daripada 60 saat atau satu jam.

[181] Oleh itu, kami mendapati keterangan OKT 1 hingga OKT 5 bahawa mereka hanya menepak seterika 8 kali sahaja ke badan simati adalah keterangan yang tidak benar dan tidak boleh dipercayai sama sekali.

[182] Sebaliknya, kami mendapati dan memutuskan disini bahawa oleh kerana tiada orang lain yang menepak seterika selain daripada OKT 1 hingga OKT 5 maka, 90 kesan lecur di badan simati seperti yang didapati oleh SP6 adalah kesan lecur yang diakibatkan oleh perbuatan OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika itu ke badan simati selama 1 jam dari jam 4.45 pagi hingga 5.45 pagi pada 22.5.2017. Seterusnya, kami juga mendapati dan memutuskan bahawa OKT 1 hingga OKT 5 secara bergilir-gilir melakukan perbuatan menepak seterika berulang-ulang kali ke atas badan simati.

[183] Selanjutnya, kami juga mendapati OKT 1 hingga OKT 5 telah menepak seterika berkali-kali di seluruh bahagian depan dan belakang badan simati, di kedua-dua kaki dan tangan simati dan di kemaluan simati. Perbuatan mereka telah mengakibatkan lebih kurang 80% permukaan badan simati (seperti yang didapati oleh SP6) melecur.

[184] Pada hemat kami, perkara OKT 1 hingga OKT 5 tidak tahu bahawa perbuatan mereka boleh mengakibatkan luka bakar adalah tidak relevan

untuk dipertimbangkan. Keterangan SP 6 ialah pada awalnya wap panas akan meninggalkan kesan kemerahan. Kemudian, selepas beberapa jam, ia akan jadi lebih teruk dan menggelembung. SP23 bercakap benar apabila beliau melihat dan nampak seluruh kulit badan simati menggelembung, ada kesan kehitaman dan kesan darah sehingga SP23 menulis surat layang. Jika SP23 boleh nampak kecederaan simati adalah teruk adalah tidak munasabah sama sekali, bagaimana OKT 1 hingga OKT 5 tidak boleh nampak kecederaan sejelas ini.

[185] Setelah menghalusi semua keterangan, kami memutuskan, dengan perbuatan mereka, OKT 1 hingga OKT 5 telah menseterika simati dengan niat untuk mencederakan simati dengan luka bakar (*severe burn*). Oleh itu elemen ketiga telah dipenuhi.

[186] Elemen keempat - sama ada kecederaan luka bakar (*severe burn*) pada lazimnya boleh membawa kepada kematian.

[187] Mengenai elemen keempat, SP6 dan SD19 telah memberi pendapat yang berbeza. SP6 menyatakan luka bakar secara lazimnya boleh menyebabkan kematian. Manakala SD19 menyatakan kematian simati bukan disebabkan oleh luka bakar, tetapi kerana simati ada *chest infection* 10 - 14 hari sebelum kejadian tekapan seterika berlaku.

[188] Disebabkan ada percanggahan pendapat di antara SP6 dan SD19, peguam OKT 1 dan OKT 2 menghujahkan pendapat SP6 adalah tidak konklusif dan sabitan di bawah seksyen 302 adalah tidak selamat. Peguam juga menghujahkan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan kematian simati. Di antaranya ialah *hyperkaliemia* iaitu kandungan garam yang tinggi dalam darah simati yang boleh

menyebabkan jantung berhenti; simati enggan dirawat dan jantung simati tidak normal.

[189] Kami mendapati hujahan peguam OKT 1 dan OKT 2 tidak bermerit. Peguam hanya membuat spekulasi sedangkan keterangan SP6 ialah kecederaan luka lecur simati adalah sangat teruk. Jawapan SP6 ketika disoal balas oleh peguam OKT 1 dan OKT 2 adalah relevan dan diperturunkan disini:

S : Jadi dalam kata lain kalau perkara ini dapat atau telah ditangani ubatan yang betul diberikan, proper rehydration consultation, pending referral diberikan, a proper advice as to the diet and what kind of thing he could consume, there is the possibility that Zulfarhan boleh diselamatkan?

J : Susah dengan kecederaan dia.

S : Jadi perkara tersebut boleh menyumbang kepada sebab-sebab kematian?

J : Tapi kecederaan sendiri sudah melebihi.

S : But with proper treatment this incident could have been avoided?

J : Tipis

[190] Keterangan SP6 disokong oleh SP31. SP31 menyatakan bahawa orang yang terbaik untuk memberitahu sebab kematian adalah patologi yang mula-mula membuat bedah siasat. Untuk kes ini, beliau setuju dengan pendapat SP6 iaitu sebab kematian ialah luka bakar.

[191] Beralih kepada keterangan SD19. SD19 berpendapat sebab kematian adalah *inflammation chest infection* dan *major burn sequela*. *Injury suffered by this incident resulted in elektrolit imbalance and immune compromised*.

[192] Hakim Bicara tidak menerima keterangan SD19 apabila memutuskan di para 681 dan 811 Rekod Rayuan Jilid 1(3):

“[681] Mahkamah ini ada bertanyakan kepada SD19 mengapa beliau tidak menyentuh langsung berkenaan punca kematian akibat dari *dehydration* ini. Mahkamah ini mendapati saksi ini bukan secara suci hati memberi suatu pendapat yang diharap “*impartial*” tetapi meninggalkan mana-mana isu yang tidak menyebelahi tertuduh. Ini dapat dilihat beliau meninggalkan fakta bahawa ZF selepas ditekup dengan seterika wap telah dikawal oleh seorang atau lebih tertuduh sepanjang masa 24 jam. Walaupun tiada keterangan apakah akibat jika ZF meminta bantuan namun keterangan menunjukkan secara melimpah ruah beliau dikawal ketat sehingga ke saat beliau menemui ajalnya.

[811] Keterangan SD19 Dr. Rohayu hanya memberi dapatan yang menyebelahi tertuduh-tertuduh. Walaupun tidak berkesempatan melihat dan memeriksa jasad simati, SD19 masih bertegas menyatakan dapatan dan pemeriksaan jasad oleh SP6 Dr. Salmah kematian akibat daripada luka bakar sebagai tidak konklusif. SD19 paling gagal apabila gagal memberi komen tentang kegagalan *intervention* rawatan boleh menyelamatkan simati. Namun begitu SD19 masih berpendapat penyakit jantung simati yang ada sebelum kejadian akan menyebabkan simati menemui ajal walaupun tidak cedera akibat seterika wap. Begitu tepat, *defensive* dan yakin dapatan SD19 apabila menyatakan penyakit jantung itu mungkin berlaku pada hari kejadian tetapi

bukan selepas ditekap dengan seterika adalah semata-mata untuk menegakkan benang yang basah. SD19 berpatah arang membuat pemeriksaan atas *slide* walaupun tanpa kebenaran pihak ketua jabatan dan menerima bayaran daripada peguam.”

[193] Pada hemat kami, Hakim Bicara membuat keputusan yang betul apabila menolak keterangan SD19 kerana SD19 terikat dengan terma nombor (iii) eksibit D10 iaitu untuk mencari faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan kematian simati semata-mata untuk menimbulkan keraguan kepada kes pendakwaan. Maka, apa jua sebab kematian yang dinyatakan oleh SD19 bukanlah sebab kematian yang sebenarnya. Maka, adalah tidak selamat untuk mahkamah menerima keterangan SD19.

[194] Adalah pendapat kami bahawa orang yang terbaik untuk memberi keterangan mengenai sebab kematian adalah SP6 yang membuat bedah siasat dan melihat jasad simati. SP6 ada kelebihan untuk melihat saiz, jumlah dan tahap keseriusan luka lecur untuk membuat suatu dapatan konklusif sama ada luka lecur itu sangat teruk dan boleh menyebabkan kematian. Kesemua kelebihan ini tidak ada pada SD19.

[195] Selain daripada itu, SP6 telah memberi penjelasan yang dapat difahami dengan mudah bahawa akibat daripada kesan lecur, cecair daripada badan akan keluar dan menyebabkan simati mengalami dehydration. Seterusnya, kesan lecur ini akan menyebabkan organ di dalam badan seperti jantung dan paru-paru tidak berfungsi. Maknanya, kesan lecur ini memberi *domino effect*.



[196] Sungguhpun begitu, SP6 mendapati kesan lecur yang dialami oleh simati ini adalah cukup teruk dan peluang untuk simati hidup adalah tipis walaupun dengan rawatan. SP6 yakin sebab kematian adalah luka bakar.

[197] Dengan tertolaknya keterangan SD19, maka kami memutuskan sebab kematian simati adalah luka bakar dan sebab ini adalah konklusif. Seterusnya, kami juga menerima keterangan SP6 bahawa luka bakar secara lazimnya boleh menyebabkan kematian. Oleh itu, elemen keempat juga telah dipenuhi.

[198] Dengan kesemua elemen s.300(c) Kanun Keseksaan telah dipenuhi, maka kami memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa OKT 1 – OKT 5 telah melakukan kesalahan bunuh. Oleh itu sabitan di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan diketepikan dan diganti dengan sabitan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Rayuan Pendakwa Raya atas sabitan dibenarkan. Rayuan balas OKT 1 sehingga OKT 6 terhadap sabitan ditolak.

### **Niat Bersama**

[199] Dalam kes ini OKT 1 hingga OKT 5 dituduh melakukan bunuh secara niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan. Apa yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan ialah wujudnya niat bersama antara OKT 1 – OKT 5 untuk melakukan satu perbuatan jenayah dan sebagai lanjutan kepada niat bersama itu, satu kesalahan jenayah telah dilakukan.

[200] Dalam kes *Farose Tamure Mohamad Khan v PP & Other Appeals* [2016] 9 CL J 769, Md Raus Sharif PMR (beliau pada ketika itu)

membincangkan pemakaian seksyen 34 Kanun Keseksaan seperti berikut:

“[65] Where s.34 of the Penal Code is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. As long as there is a common intention to commit a criminal act, which resulted to the commission of a crime actually committed, s.34 can operate against all persons involved in the commission of the actual crime.

[66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because the common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted.”

[201] Menggunakan prinsip undang-undang di atas kepada fakta kes ini, adalah suatu fakta yang telah dibuktikan bahawa pada masa yang material, OKT 1 hingga OKT 5 masih berada di tempat kejadian di mana kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan dilakukan. Kejadian menangkap seterika ini berlaku di tempat kejadian yang sama serta merta selepas kesalahan seksyen 330 KK dilakukan. Keterangan menunjukkan niat bersama antara OKT 1 hingga OKT 5 ialah untuk melakukan kesalahan jenayah iaitu menangkap seterika panas ke atas badan simati.

Niat bersama ini wujud pada masa OKT 6 memegang seterika dan mengarahkan OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika panas ke badan simati dan arahan OKT 6 dipatuhi serta merta tanpa bantahan atau soalan oleh OKT 1 hingga OKT 5. OKT 1 hingga OKT 5 juga mengaku mereka telah menepak seterika panas ke badan simati. Maka, OKT 1 hingga OKT 5 adalah pelaku-pelaku yang telah mengambil bahagian melakukan kesalahan jenayah. Keterangan juga menunjukkan OKT 1 hingga OKT 5 bergilir-gilir menepak seterika ke badan simati. Mereka meneruskan perbuatan jenayah ini selama lebih kurang satu jam. Melihat kepada jumlah luka bakar yang begitu banyak sekali dikenakan ke atas simati, tidak ada keraguan bahawa OKT 1 hingga OKT 5 mempunyai niat bersama untuk mencederakan simati.

[202] Oleh itu, kami berpuashati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan niat bersama terhadap OKT 1 hingga OKT 5.

### **OKT 6 Bersubahat Melakukan Bunuh**

[203] Pertuduhan terhadap OKT 6 menyebut OKT 6 telah bersubahat dengan OKT 1 hingga OKT 5 untuk melakukan pembunuhan simati dengan menggunakan seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 109 Kanun yang sama.

[204] Seksyen 109 memperuntukkan:

109. Whoever abets any offence shall, if the act abetted is committed in consequence of the abetment, and no express provision is made by this Code for the punishment of such abetment, be punished with the punishment provided for the offence.

[205] Kompleks OKT 6 ialah pertuduhan terhadapnya adalah defektif kerana tidak menyebut apa cara OKT 6 bersubahat di bawah seksyen 107 Kanun Keseksaan.

[206] Seksyen 107 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

107. A person abets the doing of a thing who-
- (a) instigates any person to do that thing;
  - (b) engages with one or more other person or persons in any conspiracy for the doing of that thing, if an act or illegal omission takes place in pursuance of that conspiracy, and in order to the doing of that thing; or
  - (c) intentionally aids, by any act or illegal omission, the doing of that thing.

[207] Pada hemat kami, walaupun pertuduhan tidak menyebut subahat dibuat di bawah limb (a) atau (b) atau (c) seksyen 107 Kanun Keseksaan, butiran yang tidak disebut itu hanyalah menyentuh cara (*manner*) subahat dilakukan. Butiran ini tidak menyentuh intipati kesalahan bunuh. OKT 6 tidak diprejudiskan dengan ketinggalan (*omission*) ini kerana terdapat keterangan yang melimpah ruah bahawa cara OKT 6 subahat ialah dengan cara menghasut (*instigates*) dan sengaja membantu (*intentionally aids*) OKT1 – OKT 5 mensterika simati yang jatuh di bawah limb (a) dan (c) seksyen 107 Kanun Keseksaan.

[208] Dalam keterangannya, OKT 6 bersetuju beliau adalah Ketua Intake. Sebagai Ketua Intake, OKT 6 juga bersetuju bahawa semua cadangan dan arahan beliau dipatuhi oleh pelajar-pelajar UPNM sebagai tanda hormat. Dalam kes ini, fakta menunjukkan simati membuka seluar *slack* bila diarahkan oleh OKT 6. OKT 3 perlu meminta kebenaran OKT 6 untuk

pergi tidur. OKT 6 mengarahkan supaya kejadian yang menimpa simati dirahsiakan dari pihak atasan. Tidak ada langsung keterangan dari mana-mana saksi bahawa arahan OKT 6 diingkari.

[209] Dalam kes ini, terdapat keterangan melimpah ruah dari saksi pendakwaan dan saksi pembelaan bahawa OKT 6 yang mengarahkan OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika ke badan simati. SP24 dan SP25 adalah saksi-saksi pendakwaan yang nampak dan melihat OKT 6 memegang seterika dan menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika ke badan simati. Mereka juga nampak arahan OKT 6 dipatuhi oleh OKT 1 hingga OKT 5. OKT 3 juga mengaku OKT 6 yang mengarahkan beliau menangkap seterika ke badan simati. Hanya OKT 4 dan OKT 5 sahaja yang mengatakan mereka diarahkan oleh pihak ketiga. Oleh kerana pada masa kejadian ketiga ini berlaku, hanya ada OKT 1 hingga OKT 6, SP24 dan SP25 sahaja, inferen yang munasabah ialah OKT 4 dan OKT 5 juga diarahkan oleh OKT 6.

[210] Daripada keterangan SP24, SP25 dan OKT 3, dapat disimpulkan bahawa OKT 6 bersubahat dengan OKT 1 hingga OKT 5 untuk melakukan bunuh dengan cara OKT 6 menghasut dan menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika ke badan simati iaitu di bawah limb (a) seksyen 107 Kanun Keseksaan. Kamus *Concise Oxford English Dictionary* mentafsirkan perkataan "*instigates*" sebagai "*incite someone to do something*", manakala "*intentionally*" pula ditafsirkan sebagai "*deliberately*" dan "*aid*" sebagai "*help that you need, especially to perform a particular task*". Maka, arahan OKT 6 telah menyebabkan OKT 1 hingga OKT 5 melakukan kesalahan jenayah dan mencederakan simati dengan 90 kesan lecur yang akhirnya membawa kepada kematian simati.

[211] Oleh itu, walaupun OKT 6 sendiri tidak mengambil bahagian menangkap seterika, beliau terlibat sama dengan kesalahan yang dilakukan oleh OKT 1 hingga OKT 5 kerana beliau yang menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 melakukan kesalahan. Maka, apabila kesalahan yang dilakukan OKT1 hingga OKT5 mengakibatkan kematian kepada mangsa, maka OKT 6 juga adalah bersalah melakukan kesalahan bunuh.

[212] Pada peringkat ini, kami merujuk kepada kes *Om Prakash v State* AIR 1956 All 241 yang menyatakan:

Similarly a person might be guilty of the offence of abetment by virtue of his previous association with the offence without having actually participated in it. This previous association would consist of his instigation to commit an offence in one of the ways defined in s.107, Penal Code. The offence itself would be complete even though the act abetted is not committed; or, even if the act is committed, the abettor himself has not participated in it. Thus, actual participation in the commission of the offence, which is a condition precedent of s.34 and is its main feature, again distinguishes it from the offence of abetment.

[213] Pembelaan OKT 6 bahawa dia tidak memegang seterika dan tidak menyuruh OKT 1 hingga OKT 5 menangkap seterika ke badan simati adalah suatu penafian semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan.

## **Rayuan OKT – OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan Rayuan Pendakwaan Terhadap Hukuman.**

[214] Hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan ialah penjara sehingga 7 tahun dan juga denda.

[215] Hakim Bicara telah menjatuhkan hukuman 3 tahun penjara terhadap OKT - OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 setelah mengambilkira mitigasi OKT - OKT dan faktor-faktor yang memberatkan hukuman. Hakim Bicara telah merujuk kepada kes Pendakwa Raya v Bukhari Mohd Jani [1999] 8 CL J 430. Dalam kes Bukhari, tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan seksyen 330 KK dan Mahkamah Tinggi mengenakan hukuman 3 tahun penjara.

[216] Di hadapan kami, OKT - OKT ini merayu supaya hukuman 3 tahun penjara itu dikurangkan kepada suatu hukuman yang lebih ringan di bawah seksyen 293 atau 294 Kanun Prosedur Jenayah iaitu diberi ikat jamin berkelakuan baik.

[217] Pendakwaan merayu supaya hukuman yang lebih berat dikenakan.

[218] Pada hemat kami, hukuman di bawah seksyen 293 atau 294 Kanun Prosedur Jenayah sama sekali tidak boleh dibenarkan kerana kesalahan jenayah yang dilakukan sangat berat dan serius. Di hadapan mahkamah, selain daripada keterangan SP13, OKT 1 setuju beliau tiada bukti simati mencuri laptop. OKT 1 juga setuju simati tidak melakukan apa-apa kesalahan terhadap OKT 1. Maka, OKT 1 dan OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 tidak ada sebab untuk memeras pengakuan bersalah daripada simati dan juga tidak ada sebab untuk memukul simati.

Tetapi, seramai 17 orang pelajar telah memukul simati dua hari berturut-turut.

[219] Apa-apa kesusahan yang dialami oleh OKT - OKT seperti dibuang dari universiti dan sebagainya bukanlah faktor untuk meringankan hukuman. OKT - OKT harus menanggung akibat daripada perbuatan mereka.

[220] Dari segi undang-undang, hukuman yang dikenakan bukan sahaja bertujuan untuk menghukum pelaku, tetapi juga untuk mencegah pelajar sekolah atau universiti yang mengamalkan budaya buli supaya tidak mengulangi perbuatan yang serupa.

[221] Dalam kes ini, kami sebulat suara mendapati faktor-faktor yang memberatkan hukuman mengatasi faktor-faktor peribadi OKT - OKT. Pada hemat kami, hukuman yang wajar ialah 4 tahun penjara. Oleh itu, hukuman penjara 3 tahun diketepikan dan diganti dengan hukuman 4 tahun penjara dari tarikh sabitan.

[222] Oleh itu, rayuan OKT – OKT 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 atas hukuman ditolak dan rayuan Pendakwa Raya atas hukuman dibenarkan.

### **Rayuan OKT 1 – OKT 6 Dan Rayuan Pendakwaan Terhadap Hukuman.**

[223] OKT 1 - OKT 6 merayu supaya hukuman penjara 18 tahun dikurangkan kepada 10 – 12 tahun.



[224] Pendakwaan merayu supaya OKT 1 – OKT 6 dikenakan hukuman mati.

[225] Di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang berkuatkuasa pada 16.6.2023, hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan bunuh ialah hukuman gantung sampai mati atau hukuman penjara tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun dan tidak kurang daripada 12 sebatan.

[226] Dalam kes ini, faktor-faktor yang memberatkan hukuman adalah:

- (a) Simati adalah orang yang tidak bersalah.
- (b) Perbuatan OKT 1 hingga OKT 5 cukup kejam. Simati diikat kaki dan tangan semasa mereka menangkap seterika ke badan simati.
- (c) Sebelum diseterika, simati telah pun dipukul beramai-ramai.
- (d) Walaupun OKT 1 hingga OKT 6 nampak dan melihat simati mengelupur kesakitan, mereka tutup mata, tidak peduli dan terus menangkap seterika ke atas hampir keseluruhan badan simati (kecuali di bahagian muka sahaja) sehingga mengakibatkan 90 kesan lecur.
- (e) Walaupun OKT 1 hingga OKT 6 mendengar simati menjerit berpuluh kali, mereka pekakkan telinga dan teruskan juga menangkap seterika.

- (f) Perbuatan OKT 1 hingga OKT 5 menepak seterika di seluruh bahagian badan simati termasuk di kemaluan menunjukkan mereka berniat jahat, zalim, tidak berperikemanusiaan dan tanpa ada rasa belas kasihan sesama rakan pengajian.
- (g) Selepas simati diseksa dengan seterika panas, OKT - OKT ini menyembunyikan simati untuk mengelakkan perbuatan jenayah mereka diketahui pihak atasan.
- (h) Tidak membawa simati ke Hospital Serdang untuk mendapatkan rawatan walaupun telah dinasihatkan oleh SP7 dan dua (2) surat rujukan ke hospital tersebut juga telah diberikan.
- (i) Menyalahkan simati dalam kejadian ini sedangkan hakikat yang sebenarnya ialah semua masalah ini berpunca daripada perbuatan jahat OKT 1 hingga OKT 6.

[227] Kami bersetuju dengan pendakwaan bahawa cara jenayah bunuh dilakukan “*shocks not only the judicial conscience but even the collective conscience of the society.*” Kes sebegini paling jarang ditemui daripada kes-kes yang pernah berlaku (*rarest of the rare*) yang melibatkan jenayah kekejaman yang amat merbahaya kepada masyarakat. Perbuatan zalim sebegini harus dihentikan.

[228] Ibu bapa mana yang tidak merasa kecewa, marah, sedih dan menangiisi pemergian anak kesayangan mereka apabila mayat simati dikembalikan ke pangkuan mereka untuk dikebumikan di dalam keadaan

yang cukup memilukan dan menyayat hati. Benar kata pepatah “berat mata memandang, berat lagi bahu memikul”.

[229] Hanya ALLAH SWT sahaja yang tahu betapa hancurnya dan luluhnya hati dan perasaan mereka bila melihat keadaan anak mereka diperlakukan sebegini rupa oleh keenam - enam OKT ini seolah - olah tubuh badan simati ini tidak sedikit pun mempunyai nilai di kaca mata mereka sehingga mereka tergamak menyeksa dan berbuat kezaliman seperti ini.

[230] Mahkamah ini tidak akan bertoleransi di dalam kejadian sebegini. Ibu bapa mana yang sanggup menanggung derita melihat anak kesayangan mereka diseksa sebegini rupa sehingga membawa kepada kematian simati di dalam keadaan yang sungguh mengerikan.

[231] Oleh itu, kami sebulat suara memutuskan bahawa hanya satu hukuman sahaja yang wajar dijatuhkan terhadap OKT 1, OKT 2, OKT 3, OKT 4, OKT 5 dan OKT 6 iaitu dimana keenam-enam OKT ini hendaklah dibawa ke suatu tempat penggantungan di mana di sana mereka akan dikenakan hukuman gantung sampai mati.

[232] Rayuan Pendakwa Raya atas hukuman dibenarkan. Hukuman 18 tahun penjara terhadap OKT 1, OKT 2, OKT 3, OKT 4, OKT 5 dan OKT 6 diketepikan dan digantikan dengan hukuman gantung sampai mati. Rayuan balas OKT 1 sehingga OKT 6 terhadap hukuman ditolak.

Bertarikh: 23 Julai 2024

  
Hadhariah binti Syed Ismail

Hakim

Mahkamah Rayuan

- Bagi OKT 1 & OKT 2 : Amer Hamzah bin Arshad  
(Joshua Tay H'ng Foong & Lee Yee Wooi  
bersama beliau);  
Tetuan AmerBon
- Bagi OKT 3 : Datuk Hisyam Teh Poh Teik  
(Low Wei Loke & Kee Wei Lon bersama  
beliau);  
Tetuan Hisyam Teh.
- Bagi OKT 4 : Dato' Seri M.Ramachelvam  
(Ameerul Radzi bin Azlan bersama beliau);  
Tetuan Rama Rozi & Associates.
- Bagi OKT 5 : Dato' Hazman bin Ahmad  
(G.Premman a/l RS Gopal & Muhammad  
Irsyad bin Mohammad Hassan bersama  
beliau);  
Tetuan Omar Ismail Hazman & Co.
- Bagi OKT 6 : Datuk Mohd Zamri bin Mohd Idrus  
(Mohd Fadly b. Hashim & Sharifah Dyana  
Syed Azmi bersama beliau);  
Tetuan Zamri Idrus & Co.
- Bagi OKT 7, 13 & 19 : AG Kalidas & Wesley Wong;  
Tetuan K.Nadarajah & Partners.

- Bagi OKT 9, 10 & 12 : Azizzul Shariman Mat Yusoff  
(Ariff Azami Hussein & Nurain Shaheira Khalid  
bersama beliau);  
Tetuan Azizzul & Ariff.
- Bagi OKT 11, 14 & 15 : Dato' Abdul Karim Abd Rahman  
(Fatimah Azzahrah binti Rumaizi bersama  
beliau);  
Tetuan Hazizah & Co.
- Bagi OKT 16, 17 & 18 : Ariff Azami b Hussein  
(Azizul Shariman Mat Yusoff & Nurain  
Shaheira Khalid bersama beliau);  
Tetuan Azizzul & Ariff.
- Bagi Pihak Pendakwaan: TPR Mangaiarkarasi a/p Krishnan;  
TPR Solehah Noratikah binti Ismail &  
TPR Joy Jothi Nadrarasan.